

KOPERASI PENDUDUK

BANDAR BARU BANGI BERHAD

PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE- 27

AHAD 18 JUN 2023
2022/2023



KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi

Maklumat Koperasi

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27

Aturcara

Agenda Mesyuarat

Melantik seorang anggota untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27 mengikut Fasa(1) Undang-Undang Kecil 33.

AGENDA 1 - Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam(6) Anggota dan empat(4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27.

AGENDA 2 - Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-26 yang berlangsung pada Ahad, 19 Jun 2022.

AGENDA 3 - Membentang dan Menerima Laporan Anggota Lembaga bagi Sesi 2022-2023.

AGENDA 4 - Membentang dan Menerima Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022.

AGENDA 5 - Memilih dan Melantik Anggota-Anggota Lembaga Koperasi bagi Sesi 2023-2024.

AGENDA 6 - Membentang dan Meluluskan Belanjawan Bagi Tahun 2024.

AGENDA 7 - Meluluskan pelantikan satu Panel Juruaudit Luar untuk mengaudit Akaun Koperasi bagi Tahun 2023.

AGENDA 8 - Menimbang Ruang Lingkup dan Had Pelaburan daripada wang berlebihan Koperasi.

AGENDA 9 - Menentukan Had Maksimum Keberhutangan Koperasi.

AGENDA 10: Membentang, Membincang dan Memutuskan Cadangan Meminda Honorarium dan Elaun Perkhidmatan Anggota Lembaga Koperasi.

AGENDA 11 - Mendengar, Menimbang dan Memutuskan apa-apa Usul yang dikemukakan oleh anggota kepada Setiausaha tidak kurang dari 7 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.

AGENDA 12 - Membincangkan hal-hal lain, jika ada.

Perutusan PENGGERUSI KOBANGI



Anggota KOBANGI yang dirahmati Allah s.w.t sekalian.

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah s.w.t dan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, kaum keluarga dan para sahabatnya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengalu alukan penyertaan anggota ke Mesyuarat Agung KOBANGI Ke-27 secara atas talian dan fizikal.

Alhamdulillah, KOBANGI berjaya mengurus operasi dengan jayanya pada tahun 2022 dan dapat mengawal prestasi kewangan dengan penurunan pendapatan dan keuntungan yang tidak ketara. Namun demikian, KOBANGI masih dapat mengekalkan dividen 7% seperti tahun 2021. Pendapatan KOBANGI masih bergantung kepada sewaan 4 premis komersial di sekitar Bandar Baru Bangi dan pada tahun ini koperasi telah menambah asset nya dengan perolehan satu unit premis komersial di Southville City.

KOBANGI juga telah melaksanakan **Sistem pengurusan Keanggotaan dan Perakaunan (Sistem iKOOP)** yang dapat meningkatkan pentadbiran dan pengurusan koperasi ketahap yang lebih efisien dan cemerlang.

Pelan Strategik KOBANGI bagi Tahun 2022 hingga 2024 telah dilancarkan pada awal tahun 2022 yang merupakan dokumen rujukan utama yang melakarkan strategi dan hala tuju KOBANGI bagi tempoh 3 tahun akan datang. Ahli Lembaga dan pengurusan KOBANGI akan menyemak setiap tahun Pelan Strategik ini mengikut perubahan ekonomi negara dan perancangan aktiviti perniagaan strategik yang baharu.

Bagi tahun seterusnya, saya ingin menyarankan anggota koperasi untuk menjadi anggota yang **BERPERANAN dan BERKUALITI** dengan melibatkan diri bagi menjayakan apa jua aktiviti koperasi yang dirancang dan dilaksanakan. Warga KOBANGI digalakkan untuk menambah syer supaya modal syer koperasi akan meningkat dan dapat dilaburkan di dalam aktiviti perniagaan baharu. Ini dapat mengurangkan kos kewangan dari pembiayaan luaran.

Akhir kata saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua anggota dan berharap banyak perkara bermanfaat dapat dibincangkan serta mendoakan kejayaan KOBANGI. Saya juga ingin sarankan jalinan kerjasama diantara Ahli Lembaga KOBANGI dan anggota-anggota nya serta rakan niaga sentiasa kukuh untuk melihat KOBANGI terus berjaya.

"WAWASAN PEMBANGUNAN EKONOMI BERSAMA"

Sekian, terima kasih.

PROF. DATUK MOHD YUSOF KASIM
Pengerusi
Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad.



Latar Belakang

KOBANGI



Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi atau ringkasnya KOBANGI, telah ditubuhkan pada 18 September 1995. KOBANGI ditubuhkan sebagai koperasi Pengguna dengan objektif utama untuk membantu membangunkan sosio-ekonomi anggota-anggota nya.

KOBANGI merupakan anak kandung Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi yang ditubuhkan pada tahun 1977. Resolusi untuk menubuhkan KOBANGI telah di bincang dan di persetujui dalam Majlis Perhimpunan Penduduk Bandar Baru Bangi Pertama pada 16 Januari 1991.

Anggota Lembaga KOBANGI yang telah berkhidmat sejak penubuhan KOBANGI wajar diberi setinggi - tinggi penghargaan diatas jasa dan sumbangan yang diberi sehingga membawa kejayaan KOBANGI ke hari ini. KOBANGI telah memulakan aktiviti perniagaan didalam sektor hartanah dimana sehingga tahun 2022, KOBANGI telah memiliki 5 premis komersial untuk disewakan dan 2 bidang tanah untuk pembangunan. KOBANGI akan terus mengorak langkah ke hadapan dengan menceburi pelbagai aktiviti perniagaan selain daripada sektor hartanah seperti peruncitan, pelaburan dan lain-lain.

MAKLUMAT KOPERASI

PENGERUSI

**YBHG. PROF. DATUK MOHD YUSOF
BIN KASIM**

SETIAUSAHA

AHMAD DENIL BIN HASBULLAH

BENDAHARI

**ROSENAINI @ RUSNAINI
BINTI A SAMAN**

ANGGOTA LEMBAGA

**PROF. DR HJ. WAN MOHTAR
BIN WAN YUSOFF**

HUSSIN BIN YUNOS

**AHMAD SUFIE BIN MUNASIR
ABDUL JAMIR BIN MD SAAD
MD ROSLAN BIN ZULKIFLY
KAMARUDDIN BIN MOHAMED
ABDUL AZIZ BIN MOHD NOOR
AMINUDIN BIN MD DESAH**

JURUAUDIT DALAM

**ABDUL MUTALIB BIN BULIN
HANAS RIZAL BIN AHMAD ZAKERI
MUNEERA BINTI MOHD YUSOF**

JURUAUDIT LUAR

TETUAN MUSSA CONSULTING

BANK

**BANK KERJASAMA RAKYAT
BERHAD
BANK ISLAM MALAYSIA
BERHAD**

PEGUAM

**TENTUAN ELIDA, IMRAN &
PARTNERS**

ALAMAT

**KOMPLEKS PENDIDIKAN
ISLAM BANGI
JALAN 6C/4, SEKSYEN 16,
43650 BANDAR BARU BANGI,
SELANGOR DARUL EHSAN**

TELEFON

019-3847738

www.kobangi.com



VISI

Menjadi **Koperasi Pilihan** yang menyediakan perkhidmatan bagi pembangunan ekonomi yang **Progresif** dan **Mampan** untuk **Kesejahteraan Sosioekonomi** anggota dan masyarakat mengikut prinsip Koperasi.

MISI

- Memberi pulangan **Dividen** yang memuaskan kepada anggota.
- Menyediakan perkhidmatan dan pembekalan produk yang **Berkualiti** pada **Harga** yang **Berpatutan** dan **Kompetitif** kepada anggota dan masyarakat.
- Menyediakan perkhidmatan untuk pembangunan ekonomi melalui **Perkongsian Perniagaan Pintar (Smart Business Partnership)** dengan anggota dan masyarakat.
- **Penglibatan Koperasi** dalam **Pembangunan Sosioekonomi** masyarakat di sekitar Bandar Baru Bangi.

NILAI TERAS

SPEED

Budaya kerja yang Tangkas dan Cepat. Ringkas, Fokus dan Permudahkan proses kerja.

SINERGI

Bekerja secara kolaboratif sebagai satu pasukan dan bekerjasama dengan pelanggan dan rakan kongsi.

PRIHATIN

Mengambil berat tentang pembangunan sosioekonomi masyarakat dan tanggung jawab sosial.

ENTREPRENEUR

Memupuk pemikiran dan budaya keusahawanan di kalangan anggota koperasi dalam perniagaan.

ETIKA

Menjalankan kerja secara professional :- Integriti dan Akauntabiliti.

DISIPLIN

Mengamalkan disiplin yang tinggi sebagai teras asas dalam mencapai kecemerlangan.

PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

(1) KEANGGOTAAN SUKARELA DAN TERBUKA

Berasaskan kepada definisi Koperasi, keanggotaan sesebuah Koperasi mestilah secara sukarela dan terbuka tanpa ada sekatan dari segi taraf sosioekonomi, agama mahupun pegangan politik. Keanggotaan adalah kepada sesiapa yang inginkan faedah daripada kegiatan Koperasi dan bersedia menerima segala tanggungjawab sebagai anggota. Sebaliknya, sebagai anggota Koperasi adalah bebas untuk menarik diri tanpa halangan. Daripada prinsip ini dapat dikatakan bahawa kewujudan Koperasi dapat memberikan justifikasi kepada masyarakat. Ini kerana masyarakat akan berminat menganggotai Koperasi sekiranya kemahuan dipenuhi dan menjauhinya sekiranya tidak mendapat apa-apa kelebihan daripada berkoperasi.

(2) KAWALAN SECARA DEMOKRASI OLEH ANGGOTA

Di dalam Koperasi, kuasa muktamad berada di tangan anggota-anggota disebabkan kuasa yang tertinggi di dalam struktur organisasi Koperasi adalah terletak kepada anggota. Dalam segala hal yang melibatkan pengundian, prinsipnya adalah satu anggota satu undi tanpa mengira kepada jumlah saham yang dimiliki anggota. Ini merupakan pengiktirafan kepada kenyataan bahawa manusia bekerja bersama-sama untuk mencapai objektif yang sama perlu mempunyai hak bersuara dalam organisasi yang diusahakan bersama. Ini agak berbeza dengan organisasi perniagaan yang lain di mana modal yang disumbangkan oleh pemegang saham menunjukkan jumlah pegangan undi dalam menentukan kuasa pengundian.

(3) PENGLIBATAN ANGGOTA DALAM KEGIATAN EKONOMI

Setiap anggota akan menyumbang modal mengikut syarat yang telah ditetapkan dan mempunyai peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh Koperasi. Untuk menghargai sokongan dan penglibatan anggota Koperasi boleh memberikan pulangan ke atas apa yang telah disumbangkan oleh mereka. Sebagai contoh, Koperasi boleh memberikan rebat kepada anggota yang banyak berlanggan dengan kedai Koperasi dan jika Koperasi mempunyai keuntungan bersih yang boleh diagihkan, anggota juga boleh diberikan dividen atas syer yang mereka sumbangkan.

(4) KEBEBASAN DAN AUTONOMI

Koperasi bersifat autonomi dan mempunyai hak untuk menjalankan aktiviti mengikut kesesuaian. Sekiranya Koperasi membuat apa-apa perjanjian dengan organisasi lain termasuk kerajaan atau badan kewangan, ia perlu memastikan kawalan demokratik oleh anggota dan mempertahankan autonomi Koperasi tersebut. Koperasi juga berhak menentukan apa faedah yang boleh diperoleh dan juga bagaimana Koperasi digerakkan berlandaskan prinsip-prinsip dan undang-undang Koperasi yang sedia ada. Antara lain prinsip keempat ini memberi kebebasan kepada Koperasi menetapkan hala tuju dan matlamat Koperasi, kebebasan untuk menggaris, menambah dan membatalkan UUK, memilih wakil-wakil lembaga untuk mentadbir Koperasi, bebas untuk bergabung dengan mana-mana Koperasi yang difikirkan sesuai dan memberi manfaat kepada anggota-anggota Koperasi.

(5) PENDIDIKAN, LATIHAN DAN MAKLUMAT

Prinsip ini adalah amat penting kerana prinsip-prinsip lain tidak dapat dicapai jika prinsip ini tidak dilaksanakan. Koperasi menyediakan pendidikan dan latihan kepada setiap anggota, perwakilan yang dilantik mentadbir Koperasi serta kakitangan Koperasi. Ini akan menyumbang secara efektif kepada pembangunan Koperasi. Melalui maklumat pula, masyarakat sekeliling akan mengetahui kebaikan apabila berkoperasi. Objektif prinsip ini adalah untuk menggalakkan pendidikan dan latihan kepada anggota Koperasi dan menyebarkan maklumat berkaitan Koperasi kepada orang ramai.

(6) KERJASAMA DI ANTARA KOPERASI-KOPERASI

Koperasi perlu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota untuk memastikan institusi ini akan berkekalan. Untuk meningkatkan keupayaan Koperasi berbuat demikian, Koperasi-Koperasi sendiri perlu bekerja bersama-sama melalui rangkaian (networking) yang baik di peringkat setempat, kebangsaan dan antarabangsa. Prinsip ini perlu diberi perhatian bagi meningkatkan kerjasama di antara Koperasi dan memperkukuhkan kecekapan perjalanan aktiviti Koperasi.

(7) PRIHATIN TERHADAP MASYARAKAT

Prinsip ini menitik beratkan tanggungjawab sosial pihak Koperasi dan anggota-anggotanya terhadap komuniti di kawasan operasi. Antaranya adalah bekerjasama menunjukkan keprihatinan kepada komuniti di kawasan operasi, prihatin kepada jiran dan alam sekitar. Dengan lain perkataan, Koperasi dan anggota-anggotanya perlu menjadi warga yang baik. Walau bagaimanapun prinsip ini hanya akan terlaksana sekiranya keperluan anggota sudah dapat direalisasikan dan anggota berpuashati dengan perkhidmatan yang Koperasi tawarkan.

**KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(KOBANGI)**

AHLI LEMBAGA KOPERASI SESI 2022-2023



**DATUK PROF. MOHD YUSOF BIN KASIM
PENGURUSI**



**AHMAD DENIL BIN HASBULLAH
SETIAUSAHA**



**ROSENAINI @ RUSNAINI BINTI A. SAMAN
BENDAHARI**

**KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(KOBANGI)**

AHLI LEMBAGA KOPERASI SESI 2022-2023



**PROF. DR. HJ. WAN MOHTAR
BIN WAN YUSOFF**



AHMAD SUFIE BIN MUNASIR



MD ROSLAN BIN ZULKIFLY




USTAZ ABDUL JAMIR BIN MD SAAD

**KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(KOBANGI)**

AHLI LEMBAGA KOPERASI SESI 2022-2023



HUSIN BIN YUNOS



AMINUDIN BIN MD DESAH



KAMARUDDIN BIN MOHAMMAD




ABDUL AZIZ BIN MOHD NOOR

**KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(KOBANGI)
STRUKTUR ORGANISASI PENGURUSAN SESI 2022-2023**



**DATUK PROF. MOHD YUSOFF BIN KASIM
PENERUS**



**AHMAD DENIL
BIN HASBULLAH
SEKRETARIAT**



**ROSENAINI@RUSNAINI BINTI
A SAMAN
KETUA BAHAGIAN
KEWANGAN DAN PEROLEHAN**



**USTAZ ABDUL JAMIR
BIN MD SAAD
KETUA BAHAGIAN
SYARIAH DAN WAKAF**



**ABDUL AZIZ
BIN MOHD NOOR
KETUA BAHAGIAN
KEANGGOTAAN**



**AHMAD SUFIE BIN MUNASIR
KETUA BAHAGIAN
PEMBANGUNAN PERNIAGAAN STRATEGIK**



**PROF. DR. HJ. WAN MOHTAR
BIN WAN YUSOFF
(UNIT PERNIAGAAN STRATEGIK)**



**MD ROSLAN BIN ZULKIFLY
(UNIT PERNIAGAAN STRATEGIK)**



**AMINUDIN BIN MD DESAH
(UNIT PEMBANGUNAN HARTANAH)**



**KAMARUDDIN BIN MOHAMMAD
(UNIT PENGURUSAN HARTANAH)**



NOTIS MESYUARAT

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

[K O B A N G I]

Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB), Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

No. Tel. Bimbit (Setiausaha) 019-3847738 E-Mel Setiausaha denil1957@yahoo.com LamanWeb: www.kobangi.com

KOBANGI/SU/N/2022-2023 (11)

15 Mei 2023 bersamaan 24 Syawal 1444H

KEPADA SEMUA ANGGOTA KOPERASI BANDAR BARU BANGI BERHAD

Yang Berbahagia Dato'/Datuk/Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-27 KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27 Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad (KOBANGI) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:-

Tarikh : Hari Ahad, 18 Jun 2023 bersamaan 29 Zulkaedah 1444H

Masa : Jam 9:30 pagi

Kaedah : FIZIKAL dan SECARA MAYA (ZOOM Meeting)

**Tempat : Bilik Seminar, Kompleks Pendidikan Islam Bangi, Jalan 6C/4, Seksyen 16,
43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan**

2. Yang Berbahagia Dato'/Datuk/Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan adalah dengan hormatnya dijemput hadir ke mesyuarat ini. Bersama-sama notis ini dilampirkan agenda mesyuarat. Buku laporan, Borang Pencalunan dan Borang Usul serta lain-lain dokumen mesyuarat akan disediakan di dalam pautan sesawang www.kobangi.com.

Jika terdapat sebarang usul atau pencalunan yang ingin dikemukakan dalam agenda mesyuarat, anggota KOBANGI **PERLU** melengkapkan dan mengembalikan **BORANG USUL** dan **BORANG PENCALUNAN** kepada Setiausaha melalui e-mel denil1957@yahoo.com atau WhatsApp ke talian 019-3847738 sebelum atau pada **Jumaat, 9 Jun 2023**.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

"WAWASAN PEMBANGUNAN EKONOMI BERSAMA"

Dengan perintah Anggota Lembaga Koperasi,
KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD.



HJ. AHMAD DENIL BIN HASBULLAH

Setiausaha

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD.

s.k.

1. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Selangor Darul Ehsan.
2. Penolong Pengarah, SKM Wilayah Hulu Langat/Gombak.
3. Pengerusi dan semua ALK

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD [K O B A N G I]

Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB), Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
No.Tel. Bimbit (Setiausaha) 019-3847738 E-Mel Setiausaha denil1957@yahoo.com LamanWeb: www.kobangi.com

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-27

1. Melantik seorang Anggota untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27, mengikut fasal(1) Undang-Undang Kecil 33.
2. Ucapan Aluan Yang Berbahagia Datuk Pengerusi KOBANGI Sesi 2022-2023.
3. **AGENDA 1:** Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27.
4. **AGENDA 2:** Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-26 yang berlangsung pada Ahad, 19 Jun 2022.
5. **AGENDA 3:** Menerima Laporan Anggota Lembaga bagi Sesi 2022-2023.
6. **AGENDA 4:** Menerima Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022.
7. **AGENDA 5:** Memilih Anggota Lembaga Koperasi bagi Sesi 2023-2024.
8. **AGENDA 6:** Meluluskan Belanjawan bagi Tahun 2024.
9. **AGENDA 7:** Meluluskan Pelantikan satu Panel Juruaudit Luar untuk mengaudit Akaun KOBANGI bagi Tahun 2023.
10. **AGENDA 8:** Menimbang Ruang Lingkup dan Had Pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi.
11. **AGENDA 9:** Menentukan Had Maksimum Keterhutangan.
12. **AGENDA 10:** Membentang, Membincang dan Memutuskan Cadangan Meminda Honorarium dan Elaun Perkhidmatan Anggota Lembaga Koperasi.
13. **AGENDA 11:** Mendengar, Menimbang atau Memutuskan apa-apa urusan lain Koperasi ini yang baginya suatu Notis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan kepada Setiausaha.
14. **AGENDA 12:** Membincangkan hal-hal lain, jika ada.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-27

ATURCARA MAJLIS

- 08:30 pagi: Pendaftaran Dalam Talian dan Fizikal.
- 09:30 pagi: Kata Aluan Pengacara Majlis dan Bacaan Doa.
- 09:45 pagi: Ucapan Pengerusi KOBANGI.
- 10:00 pagi: Mesyuarat Agung Bermula.
- 01:00 tgh: Mesyuarat Dijangka Tamat.

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-27

1. Melantik seorang Anggota untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27, mengikut fasal(1) Undang-Undang Kecil 33.
2. Ucapan Aluan Yang Berbahagia Datuk Pengerusi KOBANGI Sesi 2022-2023.
3. **AGENDA 1:** Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27.
4. **AGENDA 2:** Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-26 yang berlangsung pada Ahad, 19 Jun 2022.
5. **AGENDA 3:** Menerima Laporan Anggota Lembaga bagi Sesi 2022-2023.
6. **AGENDA 4:** Menerima Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022.
7. **AGENDA 5:** Memilih Anggota Lembaga Koperasi bagi Sesi 2023-2024.
8. **AGENDA 6:** Meluluskan Belanjawan bagi Tahun 2024.
9. **AGENDA 7:** Meluluskan Pelantikan satu Panel Juruaudit Luar untuk mengaudit Akaun KOBANGI bagi Tahun 2023.
10. **AGENDA 8:** Menimbang Ruang Lingkup dan Had Pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi.
11. **AGENDA 9:** Menentukan Had Maksimum Keterhutangan.
12. **AGENDA 10:** Membentang, Membincang dan Memutuskan Cadangan Meminda Honorarium dan Elaun Perkhidmatan Anggota Lembaga Koperasi.
13. **AGENDA 11:** Mendengar, Menimbang atau Memutuskan apa-apa urusan lain Koperasi ini yang baginya suatu Notis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan kepada Setiausaha.
14. **AGENDA 12:** Membincangkan hal-hal lain, jika ada.

PELANTIKAN SEORANG ANGGOTA MENJADI PENGGERUSI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-27 MENGIKUT FASAL(1) UNDANG-UNDANG KECIL 33

Mengikut Fasal(1) Undang-Undang Kecil 33: mana mana anggota boleh dilantik untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan.

Anggota Lembaga Koperasi mencadangkan Y.Bhg Datuk Mohd Yusof Bin Kasim, Pengerusi KOBANGI dilantik untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27 pada hari ini.

Mesyuarat Agung Tahunan diminta menerima dan bersetuju dengan cadangan ini.

AGENDA 1

Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27

Bagi menjimatkan masa, Anggota Lembaga Koperasi mencadangkan nama- nama Anggota dan Anggota Lembaga Koperasi berikut dilantik untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27 mengikut fasal (1) perenggan (l) Undang-Undang Kecil 32 .

PELANTIKAN ENAM(4) ANGGOTA LEMBAGA

1. Prof. Datuk Mohd Yusof Bin Kasim (Pengerusi)
2. Ahmad Denil Bin Hasbullah
3. Ahmad Sufie Bin Munasir
4. Hussin Bin Yunos

PELANTIKAN EMPAT(6) ANGGOTA

1. Abd. Mutalib Bin Bulin
 2. Ghazali Bin Jaafar
 3. AsrulSani Bin Shahnnon
 4. XX
 5. YY
 6. ZZ
- } Akan ditentukan oleh Anggota Lembaga Sesi 2023-2024 yang baharu.

Mesyuarat Agung Tahunan diminta menerima dan bersetuju dengan cadangan ini di mana pelantikan tiga(3) lagi anggota akan ditentukan oleh Anggota Lembaga Sesi 2023-2024 yang baharu.

AGENDA 2

Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-26 yang berlangsung pada Ahad, 19 Jun 2022.



**MINIT
MESYUARAT
AGUNG
KE-26**



19 JUN 2022

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

[K O B A N G I]

Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB), Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
No Tel. Bimbit (Setiausaha) 019-3847738 E-Mel Setiausaha denil1957@yahoo.com LamanWeb: www.kobangi.com

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD YANG KE-26 BAGI SESI 2021-2022

TARIKH : Hari Ahad, 19 Jun 2022 bersamaan 20 Zulkaedah 1443H

MASA : Jam 9:30 pagi.

TEMPAT: Bilik Seminar, Kompleks Pendidikan Islam Bangi
Jalan 6C/4, 43650, Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan

KAEDAH: Hybrid (Fizikal dan Maya [Zoom Meeting])

PENDAHULUAN

1. Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-26 Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad diadakan secara **Hybrid** iaitu secara **Fizikal** di Bilik Seminar, Kompleks Pendidikan Islam Bangi, Bandar Baru Bangi dan secara **Maya (Zoom Meeting)** di rumah/tempat masing-masing. Anggota Lembaga ditempatkan di Pusat Siaran (*Broadcasting Station*) di Bilik Seminar, Kompleks Pendidikan Islam Bangi, Bandar Baru Bangi untuk mengendalikan mesyuarat ini.
2. Bilangan anggota yang layak hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan hari ini seperti dalam Daftar Anggota pada 22 Mei 2022 ialah seramai **400 anggota** dan jumlah kuorum mengikut Peraturan 13 (Jadual VI) ialah **2/3 dari 400 anggota**; iaitu seramai **267** anggota. Sehubungan itu, KOBANGI telah memohon kepada SKM bagi pengurangan kuorum kepada **1/3 dari bilangan keanggotaan** iaitu seramai **134 anggota** dan kelulusan telah diberi oleh SKM. (Rujuk Surat SKM bertarikh 16 Jun 2022 seperti **LAMPIRAN A**)
3. Bilangan anggota yang telah mendaftar secara atas talian ialah **245 anggota** dan yang mengambil bahagian dalam Mesyuarat Agung Tahunan ini adalah seramai **148 anggota (41 Fizikal dan 107 Maya)**. Laporan Kehadiran Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad adalah seperti **LAMPIRAN B**.
4. Mesyuarat Agung Tahunan ini telah dimulakan dengan Pengacara Majlis, Tuan Hj Ahmad Sufie Munasir mengalu-alukan kehadiran anggota secara Maya dan Fizikal. Bilangan anggota mendaftar secara Maya amat menggalakan iaitu seramai **245** tetapi kehadiran di Mesyuarat Agung Tahunan hanyalah **148** anggota.
5. Bacaan doa dipimpin oleh Ustaz Jamir Md Saad sebelum mesyuarat bermula.
6. Mesyuarat Agung Tahunan bersetuju sebulat suara memilih Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim, Pengerusi KOBANGI sebagai Pengerusi mesyuarat, mengikut fasal (1) undang-undang kecil 33; atas cadangan Anggota Lembaga Koperasi.

UCAPAN ALUAN Y. BHG. DATUK PENERUS KOBANGI BAGI SESI 2021-2022

- 2.1 YBhg. Datuk Pengerusi Anggota Lembaga KOBANGI mengalu-alukan kehadiran para anggota di Mesyuarat Agung Tahunan Ke-26 ini dan dipanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT yang mengizinkan mesyuarat ini diadakan pada hari ini. Beliau juga memohon semua anggota selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sahabat-sahabat nya.
- 2.2 Beliau memaklumkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) bahawa lebih daripada 200 anggota telah mendaftar bagi menghadiri MAT ini. Mengikut Undang-Undang Kecil koperasi, kita perlu kehadiran 2/3 daripada jumlah keanggotaan iaitu 267 anggota untuk menjalankan MAT yang melibatkan agenda pindaan Undang-Undang Kecil koperasi. SKM telah meluluskan permohonan KOBANGI untuk mengurangkan kuorum kepada 134 kehadiran anggota dan Alhamdulillah kehadiran anggota hari ini telah memenuhi syarat SKM.
- 2.3 YBhg. Datuk Pengerusi seterusnya memaklumkan kepada MAT beberapa perkara penting dan hasrat beliau sebagai Pengerusi KOBANGI iaitu:
- a) Pencapaian Kewangan bagi tahun 2021 adalah lebih baik dari tahun lepas dan mencadangkan dividen 7.0% bagi tahun 2021. Beliau berharap pencapaian ini dapat dipertingkatkan pada tahun 2022.
 - b) Data keanggotaan sedang dikemaskini oleh Unit MIS dan Sistem Keanggotaan yang akan dilaksanakan dapat memberi kemudahan kepada anggota untuk menyemak dan kemaskini maklumat secara atas talian (Online).
 - c) Pengerusi menyarankan bahawa KOBANGI memerlukan keanggotaan yang berkualiti yang akan sentiasa menambah syer mereka dan mengambil bahagian dalam aktiviti koperasi untuk memajukan KOBANGI ke hadapan. Promosi untuk menambah bilangan keanggotaan akan diteruskan.
 - d) Bagi mengurangkan kos pinjaman dari bank atau institusi kewangan, Pengerusi mahu anggota-anggota yang mempunyai kewangan lebihan untuk menyertai Skim Tabung Modal Syer Khas yang mana anggota tersebut bukan sahaja melabur tapi terlibat secara langsung pengurusan projek perniagaan yang akan dilaksanakan.
 - e) Pelan Strategik KOBANGI (2022-2024) yang telah dirangkakan akan dijadikan rujukan utama dalam rancangan koperasi dan boleh diubah mengikut keperluan dan perubahan senario ekonomi negara.
- 2.4 Akhir kata, Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha, Bendahari dan barisan Anggota Lembaga yang telah mengurus aktiviti koperasi dengan baik dan juga penyediaan Pelan Strategik KOBANGI (2022-2024). Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada En Ahmad Zakeri Abdul Khalil dan Dr Tajul Ariffin Noordin yang tidak berhasrat untuk dicalonkan sebagai Anggota Lembaga koperasi. Mereka telah banyak menyumbang kepada kemajuan koperasi dan merupakan perintis penubuhan KOBANGI. Adalah diharapkan Anggota Lembaga yang baharu bagi sesi 2022-2023 akan bersatu dan berkerjasama untuk memajukan KOBANGI seterusnya.

AGENDA 1: MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARI ENAM (6) ORANG ANGGOTA DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (TERMASUK PENERUSI) UNTUK MENENTUSAKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-26

1.1 Mesyuarat Agung Tahunan bersetuju sebulat suara melantik enam (6) orang anggota dan empat (4) Anggota Lembaga Koperasi termasuk Penerusi seperti berikut untuk menganggotai Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-26 iaitu:-

Bil.	Nama Anggota	No. Anggota
A. Anggota		
1.	Hjh. Asmah Bee Md. Noor	K382
2.	Hj. Abd Mutalib Bulin	K442
3.	Datin Zaliah Ismail	K395
4.	Hj. Mohamad Salleh Yunos	K449
5.	Hj Mohd Suib Hj Maulud	K037
6.	Hj. Ghazali Jaafar	K494
B. Anggota Lembaga Koperasi		
7.	Prof Datuk Mohd Yusof bin Kasim (Penerusi)	K394
8,	Hj Ahmad Sufie Munasir	K276
9.	Ustaz Abdul Jamir bin Md. Saad	K277
10.	Hj Ahmad Denil Hasbullah	K385

AGENDA 2: MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-24 dan KE-25 YANG BERLANGSUNG PADA AHAD 31 OKTOBER 2021

2.1 Mesyuarat Agung Tahunan bersetuju mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-24 dan Ke-25 yang berlangsung pada Ahad, 31 Oktober 2021 atas cadangan Hj. Abd Mutalib Bulin (No. Anggota:K442) dan sokongan Dr Hj. Othman Sodikin (No. Anggota:K451). Minit ini telah terlebih dahulu **ditentusahkan** oleh Jawatankuasa Menentukan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-24 dan Ke-25 yang telah bermesyuarat pada 21 November 2021.

AGENDA 3: MEMBENTANG DAN MELULUSKAN LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD BAGI SESI 2021-2022

3.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-

- membincangkan Laporan Anggota Lembaga KOBANGI bagi sesi 2021-2022 yang dibentangkan oleh Setiausaha;
- mengambil maklum penjelasan dari Ketua Bahagian Pembangunan Perniagaan Strategik, Hj. Ahmad Sufie Munasir tentang perkara(4.0) muka surat 35 berkenaan dua(2) bidang tanah keluasan 5 ekar yang ditanya oleh Hj. Abd Mutalib Bulin (No. Anggota:K442).Tanah ini akan dijual dengan harga RM2.5juta yang akan diiklankan oleh agen-agen hartanah yang akan dilantik nanti; dan
- sebulat suara meluluskan Laporan Anggota Lembaga KOBANGI bagi sesi 2021-2022 seperti dibentangkan; atas cadangan Prof. Dr. Hj. Wan Mohtar Wan Yusoff (No. Anggota:K007) dan sokongan Hj. Sabardin bin Ahmad (No. Anggota: K015).

AGENDA 4: MENERIMA DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-

- (a) mengambil perhatian pembentangan oleh Bendahari mengenai Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 yang telah diaudit, bersama dengan Laporan Juruaudit ke atas Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2021 oleh Tetuan Mohd Zaid & Associates, Juruaudit Luar KOBANGI mengikut Seksyen 59 (1) dan (2) Akta Koperasi 1993;
- (b) mengambil maklum cadangan dari Prof. Dr. Hj. Wan Mokhtar Wan Yusoff (No. Anggota:K007) kepada KOBANGI supaya adakan Prosedur Kutipan Sewa bagi menangani isu sewa tertangguh supaya tidak menjadi "Hutang Lapuk". KOBANGI dicadangkan untuk mendapat khidmat agensi pemungut hutang bagi menyelesaikan isu hutang penyewa; dan
- (c) bersetuju menerima dan meluluskan Penyata Kewangan Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 bersama dengan Laporan Juruaudit; atas cadangan Hj. Abd Mutalib Bulin (No. Anggota:K442) dan sokongan Hj. Zolkafly bin Md Isa (No. Anggota:K135). Dengan kelulusan ini, Mesyuarat Agung Tahunan juga bersetuju menerima dan meluluskan **pembayaran dividen pada kadar 7.0% (RM183,810.66)** dan **pembayaran honorarium ALK sebanyak RM7,000.00** (kedua-duanya tertakluk kepada kelulusan SKM seterusnya).

AGENDA 5: MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI SESI 2022-2023

5.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-

- (a) diberitahu bahawa tepat jam 5:00 petang hari Jumaat 10, Jun 2022, enam (6) Borang Pencalonan telah diterima oleh Urusetia dan satu(1) pencalonan telah ditolak oleh kerana tidak memenuhi syarat asas iaitu : **Calon telah menjadi anggota secara berterusan tidak kurang dari dua (2) tahun dan mempunyai pegangan syer minimum RM1,000.00 (Ringgit Satu Ribu Sahaja).**

Nama-nama calon adalah seperti berikut:

Bil	Nama
1.	YBhg. Prof. Datuk Mohd Yusof Kasim
2.	Hj. Ahmad Denil Hasbullah
3.	Hjh. Rosenaini@Rosnaini A. Saman
4.	Hj. Ahmad Sufie Munasir
5.	Prof. Dr Wan Mokhtar Wan Yusoff

- (b) bersetuju menerima dan meluluskan cadangan Anggota Lembaga sesi 2021-2022 seperti berikut:
 - I. Anggota Lembaga telah bersetuju mencalonkan lima (5) anggota ini untuk mengisi kekosongan tersebut.
 - II. Anggota Lembaga telah bersetuju untuk memberi mandat kepada Anggota Lembaga Sesi 2022-2023 untuk melantik anggota yang layak bagi mengisi satu (1) lagi kekosongan Anggota Lembaga KOBANGI.

- (c) mengesahkan lima (5) calon tercatat di atas menang tanpa bertanding dan dilantik sebagai Anggota Lembaga baharu bagi sesi 2022-2023. Barisan Anggota Lembaga KOBANGI bagi sesi 2022-2023 adalah seperti berikut:-

1. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim
2. Hj. Hussin bin Hj. Yunos
3. Hj. Ahmad Denil bin Hasbullah
4. Hjh. Rosenaini @ Rusnaini binti A Saman
5. Hj. Ahmad Sufie Munasir
6. Ustaz Abdul Jamir bin Md Saad
7. Aminudin bin Md Desah
8. Kamaruddin Mohamed
9. Md Roslan Zulkifly
10. Abdul Aziz bin Mohd Noor
11. Prof. Dr. Hj. Wan Mohtar Wan Yusoff
- 12. Kekosongan akan dipilih oleh ALK 2022-2023**

- (d) sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan pelantikan nama-nama anggota seperti diatas sebagai Anggota Lembaga KOBANGI bagi sesi 2022-2023.

AGENDA 6: MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2023

6.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-

- (a) mengambil perhatian pembentangan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2023 oleh Bendahari; dan
- (b) meluluskan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2023 tersebut; atas cadangan Hj Abdul Rahman bin Mohamad (No. Anggota:K038) dan sokongan Datin Khatijah (No. Anggota:K262).

AGENDA 7: MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL JURUAUDIT LUAR UNTUK MENGAUDIT AKAUN KOBANGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

- 7.1 Mesyuarat Agung Tahunan bersetuju menerima cadangan Anggota Lembaga bagi melantik Tentuan Mohd Zaid & Associates untuk mengaudit akaun Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022; atas cadangan Hj. Adnan Suratman (No. Anggota:K458) dan sokongan Hjh. Mariam Sulaiman (No. Anggota:K081).

AGENDA 8: MENIMBANG RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIYAI OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI.

- 8.1 Mesyuarat Agung Tahunan tidak membincang agenda ini.

AGENDA 9: MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN

- 9.1 Mesyuarat Agung Tahunan bersetuju sebulat suara mengekalkan had maksimum keterhutangan Koperasi ini pada paras **RM10,000,000.00** seperti tahun lepas; atas cadangan Prof. Dr. Hj. Wan Mohtar Wan Yusoff (No. Anggota:K007) dan sokongan Hj Azlan Jabbar (No. Anggota:K390)

AGENDA 10: MEMBENTANG, MEMBINCANG DAN MEMUTUSKAN CADANGAN MEMINDA UNDANG-UNDANG KECIL KOBANGI

10.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-

- (a) mengambil perhatian pembentangan oleh Setiausaha mengenai kertas cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi (**LAMPIRAN C**) dan Aturan Skim Tabung Modal Syer Khas (**LAMPIRAN D**). Pindaan Undang-Undang Kecil ini telah dirujuk kepada pihak SKM dan perubahan telah dibuat mengikut maklum balas dari mereka;
- (b) mengambil perhatian pembentangan oleh Ketua Bahagian Syariah dan Wakaf, Ustaz Abdul Jamir Md Saad mengenai kertas cadangan Aturan Skim Tabung Wakaf Tunai/Infaq Saham (I-Saham) (**LAMPIRAN E**);
- (c) mengambil maklum cadangan dari Hj. Ghazali Jaafar (No. Anggota:K494) kepada KOBANGI berkenaan Skim Tabung Wakaf/Infaq untuk mengasingkan Penyata Kewangan Tabung Wakaf dengan Akaun KOBANGI.
- (d) mengambil maklum pandangan dari Hj. Yaakob Mat Noor (No. Anggota:K011) kepada KOBANGI berkenaan penggunaan perkataan “Wakaf” dan “Infaq” supaya tidak salah pengertian. Perkara ini boleh dirujuk kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) atau Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- (e) mengambil maklum beberapa cadangan dari Prof. Dr. Hj. Wan Mohtar Wan Yusoff (No. Anggota:K007) kepada KOBANGI berkenaan Skim Tabung Wakaf/Infaq seperti berikut:
 - i. Merujuk kepada pihak yang berwajib seperti Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk mendapat garis panduan penubuhan tabung wakaf/infaq.
 - ii. Memperdanakan perkataan “wakaf” dan perbezaan pengertian “wakaf” dengan “infaq”
 - iii. Sediakan borang berasingan bagi Wakaf dan Infaq supaya anggota jelas dengan sumbangan mereka.
- (f) mengambil maklum bahawa Keputusan Pengundian secara Maya (**LAMPIRAN F**) dan Fizikal (41 Anggota) telah bersetuju menerima dan meluluskan kertas cadangan pindaan Undang-Undang Kecil koperasi serta Aturan Skim Tabung Modal Syer Khas dan Aturan Skim Tabung Wakaf Tunai/Infaq Saham (I-Saham).
Keputusan Pengundian seperti berikut:

PERKARA	MAYA		FIZIKAL		JUMLAH	
	Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Tidak Setuju
*Kawasan Operasi: UUK 6. *Kelayakan menjadi anggota:UUK 11(1).	59	0	41	0	100	0
*Fungsi: UUK 8	59	0	41	0	100	0
*Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota UUK 16 *Modal Syer: UUK 54(1)	51	8	41	0	92	8
*Aturan Skim Tabung Modal Syer Khas	59	0	41	0	100	0
*Aturan Skim Tabung Wakaf Tunai/ Infaq Saham (I-Saham)	57	2	41	0	98	2

AGENDA 11: MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN KOPERASI INI YANG BAGINYA SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN KEPADA SETIAUSAHA

- 11.1 Mesyuarat Agung Tahunan diberitahu oleh Setiausaha bahawa Urus Setia tidak menerima apa-apa perkara tentang perkara di atas.

AGENDA 12: MEMBINCANGKAN HAL-HAL LAIN (JIKA ADA)

- 12.1 Mesyuarat Agung Tahunan mengambil perhatian perkara-perkara berikut yang dibangkitkan oleh para anggota untuk tindakan dan penelitian Anggota Lembaga baharu bagi sesi 2022-2023 sewajarnya:-

1. Hj. Abd Mutalib Bulin (No. Anggota:K442) – mencadangkan Takaful Kelompok bagi kebajikan untuk anggota yang meninggal dunia.
Bendahari maklum bahawa syarikat Takaful tidak menawarkan perlindungan insuran takaful kematian kepada sesiapa yang berumur lebih dari 65 tahun. Sebagai alternatif, koperasi boleh cadangkan potongan beberapa peratus dari syer anggota untuk dimasukkan ke dalam tabung kebajikan untuk disalurkan kepada hal-hal kebajikan anggota. Ini adalah sama dengan Skim Tabung Wakaf/Infaq yang dicadangkan tadi.
2. Dr. Hj. Othman Sodikin (No. Anggota K451) – mencadangkan pindahan syer kepada anak-anak secara atas talian (Online transfer).
Datuk Pengerusi mencadangkan anggota untuk menggalakkan anak-anak menjadi anggota koperasi.

PENUTUP

- 13.1 Sebagai penutup, Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua anggota yang hadir mesyuarat hari ini. Beliau juga mengucapkan terima kasih juga kepada semua Anggota Lembaga serta kepada En Ahmad Zakeri Abdul Khalil dan Dr. Tajul Ariffin Noordin yang telah menyumbang kepada KOBANGI semasa menjadi Anggota Lembaga.
- 13.2 Datuk Pengerusi memohon maaf bagi diri beliau dan Anggota Lembaga kepada semua kalau ada tersalah silap semasa beliau mengendalikan mesyuarat sebentar tadi. Beliau sentiasa terbuka menerima apa jua cadangan bukan sahaja semasa mesyuarat tapi juga di luar mesyuarat.

PENANGGUHAN

- 14.1 Mesyuarat Agung Tahunan ini ditangguhkan oleh Pengacara Majlis pada jam 12:15 tengahari.

Disediakan oleh Pecatat Mesyuarat:

[Hj. Ahmad Denil Hasbullah]



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SELANGOR
F-G-33A Vista Alam
No.3 Precint 4.5, Jalan Ikhtisas 14/1
Seksyen 14
40000 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



LAMPIRAN A

SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia

Tel: 03-5523 4475/1869
Faks: 03-5524 3014
Portal Rasmi: www.skm.gov.my
E-mail: selangor@skm.gov.my

Ruj Kami : SKM/SEL/4/257Jld.5(27)
Tarikh : 16 Jun 2022

Setiausaha,
Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad
Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB),
Jalan 6C/4 Seksyen 16,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor.

Tuan,

**PERMOHONAN PENGURANGAN KUORUM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
BAGI PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI
- KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD**

Dengan hormatnya merujuk kepada surat Koperasi bertarikh 17 Mei 2022 mengenai perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disampaikan Perintah Penetapan Kuorum di bawah perenggan 7(2)(a) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 yang hanya terpakai bagi mesyuarat agung tahunan yang akan diadakan pada **19 Jun 2022**.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ROZDEEN BIN MOHD JAAFAR)
Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Selangor

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI



AKTA KOPERASI 1993

PERINTAH KOPERASI (KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD) (PENETAPAN KUORUM)

~~~~~

**BAHAWASANYA** Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mewakili kuasanya di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502] dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 kepada Pengerusi Eksekutif di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665].

**DAN BAHAWASANYA** Pengerusi Eksekutif di bawah subseksyen 24(4) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 telah membenarkan dan mengarahkan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Selangor untuk menjalankan kuasa yang diwakilkan kepada Pengerusi Eksekutif:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 7(2)(a) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, Suruhanjaya membuat perintah yang berikut:

#### Nama dan pemakaian


1. 1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Koperasi (Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad) (Penetapan Kuorum)**.
- 2) Perintah ini hendaklah terpakai kepada **Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad** bagi mesyuarat agung yang akan diadakan pada **19 Jun 2022**.

#### Penetapan Kuorum

2. Kehadiran **satu pertiga (1/3) daripada jumlah keseluruhan anggota atau 150 orang, mengikut mana-mana yang kurang** adalah mencukupi kuorum, disyaratkan tiada Undang-undang Kecil yang boleh dipinda di bawah peruntukan tersebut di atas melainkan dua pertiga daripada anggota yang hadir mengundi bersetuju dengan cadangan meminda Undang-undang Kecil itu.

Bertarikh pada : **16 Jun 2022**

Rujukan : **[SKM/SEL/4/257Jld.5(28)]**



**(ROZDEEN BIN MOHD JAAFAR)**

Pengarah

Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Negeri Selangor

## LAMPIRAN B

### SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOBANGI KE-26 PADA 19 JUN 2022 (ZOOM Meeting)

| BIL | NAMA ANGGOTA                 | NO K/P | NO ANGGOTA | NO TELEFON | STATUS DAFTAR | TARIKH DAFTAR   | DAFTAR ZOOM  | TARIKH DAFTAR ZOOM | BIL MASUK ZOOM |
|-----|------------------------------|--------|------------|------------|---------------|-----------------|--------------|--------------------|----------------|
| 1   | JOHARI BIN RAMLI             |        | K091       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 16:22 | Telah Daftar | 19/6/2022 9:53     | 2              |
| 2   | NIK MOHD FAISAL ABDUL KADIR  |        | K319       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 16:41 | Telah Daftar | 19/6/2022 8:52     | 2              |
| 3   | ABU BAKAR BIN MOHAMAD        |        | K038       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 16:59 | Telah Daftar | 19/6/2022 9:42     | 4              |
| 4   | KARIMAH HARUN                |        | K410       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 17:04 | Telah Daftar | 19/6/2022 9:40     | 2              |
| 5   | MOHAMMAD SHIHAM MAHFUZ       |        | K370       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 17:13 | Telah Daftar | 19/6/2022 8:52     | 1              |
| 6   | ZURINA MOHAMED NIL           |        | K464       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 17:26 | Telah Daftar | 19/6/2022 8:41     | 1              |
| 7   | NORIDAH A. MANAN             |        | K296       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 17:28 | Telah Daftar | 19/6/2022 8:42     | 3              |
| 8   | AHMAD DENIL HASBULLAH        |        | K385       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 17:40 | Telah Daftar | 19/6/2022 8:48     | 2              |
| 9   | JARINI JUSOH                 |        | K428       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 17:46 | Telah Daftar | 19/6/2022 10:03    | 1              |
| 10  | RIDHWAN FAKHRI MAT RADZI     |        | K416       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 18:15 | Telah Daftar | 19/6/2022 8:47     | 2              |
| 11  | AHMAD HUSAINI AHMAD ZAKERI   |        | K220       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 18:22 | Telah Daftar | 19/6/2022 9:08     | 1              |
| 12  | SAZLIN SELIM                 |        | K379       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 18:22 | Telah Daftar | 19/6/2022 8:52     | 1              |
| 13  | MOHD. DINUL SYAHIDI SABARDIN |        | K345       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 18:36 | Telah Daftar | 19/6/2022 8:56     | 3              |
| 14  | HAMIDAH BINTI YUSOF          |        | K488       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 18:42 | Telah Daftar | 19/6/2022 8:43     | 3              |
| 15  | HASLIN JOHARI                |        | K341       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 18:55 | Telah Daftar | 19/6/2022 9:27     | 1              |
| 16  | HANA BT IMAM SUPA'AT         |        | K305       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 18:55 | Telah Daftar | 19/6/2022 10:04    | 2              |
| 17  | HAMIDAH BT. PAMIMIN          |        | K454       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 19:00 | Telah Daftar | 19/6/2022 8:52     | 3              |
| 18  | SITI HAWA MUSTAFFA           |        | K360       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 19:00 | Telah Daftar | 19/6/2022 10:49    | 1              |
| 19  | NORAINI BT MOHAMAD           |        | K115       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 19:07 | Telah Daftar | 19/6/2022 9:08     | 4              |
| 20  | MOHD AZFAR BIN ROSLAN        |        | K422       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 19:10 | Telah Daftar | 19/6/2022 8:52     | 6              |
| 21  | NUR ILLIYIN BINTI ROSLAN     |        | K421       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 19:13 | Telah Daftar | 19/6/2022 9:41     | 1              |
| 22  | MOHAMAD AZRI MOHD. KAMAL     |        | K457       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 19:16 | Telah Daftar | 19/6/2022 9:46     | 1              |
| 23  | HAMDY BIN OTHMAN             |        | K306       |            | Telah Daftar  | 17/6/2022 19:22 | Telah Daftar | 19/6/2022 9:23     | 1              |

| 24  | REHANA HAMID                  |        | K355    |            | Telah Daftar     | 17/6/2022 19:29 | Telah Daftar   | 19/6/2022 8:45           | 2                    |
|-----|-------------------------------|--------|---------|------------|------------------|-----------------|----------------|--------------------------|----------------------|
| BIL | NAMA PERWAKILAN               | NO K/P | NO AHLI | NO TELEFON | STATUS<br>DAFTAR | TARIKH DAFTAR   | DAFTAR<br>ZOOM | TARIKH<br>DAFTAR<br>ZOOM | BIL<br>MASUK<br>ZOOM |
| 17  | Farid                        |            | Jun 19, 2022 11:28:52 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 18  | Nur Syahidah                 |            | Jun 19, 2022 11:12:38 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 19  | Mohamad Hanif                |            | Jun 19, 2022 11:42:33 | Setuju                                                                           | Setuju            | Tidak Setuju                                                                                       | Setuju                          | Tidak Setuju                                            |
| 20  | Syahrir Mat Ali              |            | Jun 19, 2022 11:09:35 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 21  | Zaifeena Wan Nasir           |            | Jun 19, 2022 11:11:30 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 22  | Esah                         |            | Jun 19, 2022 11:48:10 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Tidak Setuju                                            |
| 23  | Pauzi                        |            | Jun 19, 2022 11:10:15 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 24  | Yusof                        |            | Jun 19, 2022 11:28:50 | Setuju                                                                           | Setuju            | Tidak Setuju                                                                                       | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 25  | Aminah Nur Huda Hussin       |            | Jun 19, 2022 11:29:04 | Setuju                                                                           | Setuju            | Tidak Setuju                                                                                       | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 26  | Nazri                        |            | Jun 19, 2022 11:14:40 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 27  | Sazlin Selim                 |            | Jun 19, 2022 11:10:01 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 28  | Fairuz Sharifuddin           |            | Jun 19, 2022 11:09:45 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 29  | Ernie                        |            | Jun 19, 2022 11:30:47 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 30  | Najiha                       |            | Jun 19, 2022 11:12:12 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 31  | Noraini                      |            | Jun 19, 2022 11:14:57 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 32  | Abdul Mutalib Omar           |            | Jun 19, 2022 11:13:35 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 33  | Karimah Harun                |            | Jun 19, 2022 11:26:16 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 34  | Dinul Syahidi                |            | Jun 19, 2022 11:10:00 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 35  | Damia Imani Mior Amir Hamzah |            | Jun 19, 2022 11:24:00 | Setuju                                                                           | Setuju            | Tidak Setuju                                                                                       | Setuju                          | Setuju                                                  |

| No. | User Name                   | User Email | Submitted Date/Time   | 1.Kawasan Operasi : UUK 6 berkaitan dengan Kelayakan menjadi anggota: UUK 11(1). | 2.Fungsi : UUK 8. | 3.Perolehan hak, kewajipan dan liabilities anggota: UUK 16 berkaitan dengan Modal Syer: UUK 54(1). | 4.Aturan Skim Tabung Syer Khas. | 5.Aturan Skim Tabung Wakaf Tunai/ Infak Saham(l-Saham). |
|-----|-----------------------------|------------|-----------------------|----------------------------------------------------------------------------------|-------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------|---------------------------------------------------------|
| 36  | HAZMON                      |            | Jun 19, 2022 11:10:53 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 37  | Siti hawa                   |            | Jun 19, 2022 11:29:44 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 38  | faiz aziz                   |            | Jun 19, 2022 11:15:18 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 39  | Ashraf                      |            | Jun 19, 2022 11:09:32 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 40  | abu bakar mohamad           |            | Jun 19, 2022 11:26:11 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 41  | Naemah                      |            | Jun 19, 2022 11:24:53 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 42  | Mohd Suib                   |            | Jun 19, 2022 11:10:52 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 43  | Mohd Zabid Roslan Al Hensem |            | Jun 19, 2022 11:10:56 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 44  | Izzat Anuar                 |            | Jun 19, 2022 11:12:59 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 45  | Jamil Mohamed Sapari        |            | Jun 19, 2022 11:09:47 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 46  | Aziz Nor                    |            | Jun 19, 2022 11:10:30 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 47  | Mior Amir                   |            | Jun 19, 2022 11:23:51 | Setuju                                                                           | Setuju            | Tidak Setuju                                                                                       | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 48  | Fatimah Harun               |            | Jun 19, 2022 11:10:20 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 49  | Mohd Hafiz Bin Mohd Suib    |            | Jun 19, 2022 11:22:56 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 50  | norhafizan                  |            | Jun 19, 2022 11:10:23 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 51  | Hana                        |            | Jun 19, 2022 11:31:15 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 52  | Badariah                    |            | Jun 19, 2022 11:24:15 | Setuju                                                                           | Setuju            | Tidak Setuju                                                                                       | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 53  | Shaari Chin                 |            | Jun 19, 2022 11:10:57 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 54  | Nurfariha binti Abdul Aziz  |            | Jun 19, 2022 11:15:35 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 55  | SaifulH                     |            | Jun 19, 2022 11:27:07 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 56  | Rehana Hamid                |            | Jun 19, 2022 11:14:24 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 57  | nur illiyin                 |            | Jun 19, 2022 11:10:09 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 58  | Ahmad Mokhtaza Mokhtaruddin |            | Jun 19, 2022 11:37:47 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |
| 59  | Aminudin MD Desah           |            | Jun 19, 2022 11:10:26 | Setuju                                                                           | Setuju            | Setuju                                                                                             | Setuju                          | Setuju                                                  |

Di sediakan oleh :


  
**ROZAIMAH BINTI ISMAIL**  
 Pegawai IT  
 Sektor Inovasi & Teknologi  
 Bahagian Teknologi Maklumat  
 ANGKASA

Di sahkan oleh :

  
**MOHD ZAKI MD AMIN**  
 Pengurus ICT  
 Bahagian Teknologi Maklumat  
 Dan Pembangunan Inovasi  
 ANGKASA

# LAPURAN LEMBAGA

SESI 2022-2023



# AGENDA 3

## MENERIMA LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA BAGI SESI 2022-2023

### TUJUAN

Kertas ini melaporkan aktiviti-aktiviti dan perkembangan KOBANGI bagi sesi 2022-2023.

### TADBIR URUS KOPERASI KOBANGI

KOBANGI mematuhi semua prinsip-prinsip tadbir urus untuk memenuhi fungsi serta matlamat seperti yang diperuntukkan dalam Undang-undang Kecil selaras dengan prinsip yang ditetapkan di dalam Akta Koperasi 1993.

### ANGGOTA LEMBAGA KOBANGI

KOBANGI diselikan oleh 11 orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dalam memenuhi fungsi serta matlamatnya seperti yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil koperasi.

Senarai Anggota Lembaga KOBANGI 2022-2023 adalah seperti berikut :-

| No. | Nama                                | Jawatan         |
|-----|-------------------------------------|-----------------|
| 1.  | YBhg. Prof. Datuk Mohd Yusof Kasim  | Pengerusi       |
| 2.  | Hj. Ahmad Denil Hasbullah           | Setiausaha      |
| 3.  | Hjh. Rosenaini@Rusnaini A. Saman    | Bendahari       |
| 4.  | Hj. Hussin Hj. Yunos                | Anggota Lembaga |
| 5.  | Hj. Ahmad Sufie Munasir             | Anggota Lembaga |
| 6.  | Ustaz Abdul Jamir Md Saad           | Anggota Lembaga |
| 7.  | Hj. Abdul Aziz Mohd Noor            | Anggota Lembaga |
| 8.  | Hj. Md Roslan Zulkifly              | Anggota Lembaga |
| 9.  | Hj. Aminudin Md Desah               | Anggota Lembaga |
| 10. | Hj. Kamaruddin Mohamed              | Anggota Lembaga |
| 11. | Prof. Dr. Hj. Wan Mohtar Wan Yusoff | Anggota Lembaga |

### BAHAGIAN DAN JAWATANKUASA

ALK telah melantik ketua-ketua bahagian dan jawatankuasa seperti berikut dan mewakilkan tanggungjawab khusus kepada jawatankuasa bahagian untuk membantu ALK merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti bahagian dengan lebih teratur, cekap dan berkesan.

|                                              |                                    |
|----------------------------------------------|------------------------------------|
| a) Bahagian Korporat dan Media               | : Hj. Ahmad Denil Hasbullah        |
| a) Bahagian Kewangan dan Perolehan           | : Hjh. Rosenaini@Rusnaini A. Saman |
| b) Bahagian Pembangunan Perniagaan Strategik | : Hj. Ahmad Sufie Munasir          |
| c) Bahagian Keanggotaan                      | : Hj. Abdul Aziz Mohd Noor         |
| d) Bahagian Syariah dan Wakaf                | : Ustaz Abdul Jamir Md Saad        |
| e) Jawatankuasa Audit Dalaman                | : Hj. Abd Mutalib Bulin            |

## PENGURUSAN DAN WARGAKERJA

KOBANGI tiada melantik pengurus bagi mengurus aktiviti koperasi. Pengurusan koperasi ditadbir urus oleh barisan tertinggi koperasi iaitu Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari serta jawatankuasa bahagian. KOBANGI mengambil seorang wargakerja sambilan bagi menjalankan kerja-kerja pejabat bila perlu.

## BAHAGIAN KORPORAT DAN MEDIA

Sejak penubuhan KOBANGI pada September 1995, pendapatan KOBANGI dijana dari perniagaan penyewaan premis komersial. Sehingga tahun 2022, empat (4) unit premis komersial telah diperolehi di sekitar Bandar Baru Bangi. Pada September 2022, KOBANGI telah memohon pembiayaan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk membeli sebuah premis kedai pejabat 2-tingkat di Southville City, Dengkil. Pihak SKM telah meluluskan pembiayaan tersebut pada Januari 2023 dan dalam proses gadaian oleh pihak SKM. Penyewaan premis ini dijangka akan bermula pada bulan September 2023.

Pada tahun 2017, KOBANGI telah menceburi perniagaan pembangunan hartanah yang mana dua (2) bidang tanah keluasan 5 ekar telah diperolehi untuk dibangunkan. Oleh kerana kedudukan tanah yang agak jauh dari jalan utama dan kos pembangunan dijangka tinggi maka Anggota Lembaga telah bersetuju untuk menjual tanah tersebut dengan harga yang memberi pulangan yang berpatutan kepada KOBANGI.

**Pelan Strategik KOBANGI 2022-2024** yang telah dilancarkan pada 21 April 2022 akan menjadi rujukan utama dan hala tuju KOBANGI sehingga tahun 2024. KOBANGI akan menceburi dua(2) sektor perniagaan baharu ia itu **Sektor Peruncitan** dan **Sektor Kesihatan** dalam usahanya untuk memperluaskan aktiviti perniagaan selain dari **Sektor Hartanah**. Perniagaan Peruncitan yang dirancang akan bermula pada tahun 2022 tidak dapat dilaksanakan oleh kerana kos penyelesaian e-Perdagangan (e-Commerce) yang tinggi dan saingan hebat dari pengusaha pengusaha lain. Pada tahun 2023 Pelan Strategik ini akan disemak dan dikaji semula mengikut perkembangan ekonomi semasa dan **Pelan Strategik KOBANGI 2022-2024 (Pindaan 1)** akan dilancarkan pada Julai 2023.

Bagi memperkukuhkan pengurusan aktiviti KOBANGI supaya berfungsi dengan lebih cekap, produktif dan berkesan, Sistem Perakaunan dan Keanggotaan telah diperolehi pada September 2022. Sistem Keanggotaan telah mula diguna pakai oleh semua anggota pada November 2022 yang membolehkan semua anggota mengakses pangkalan data masing-masing dan mengemaskini maklumat peribadi sekiranya ada perubahan. Sistem Perakaunan akan mula digunakan pada Julai 2023 di mana migrasi data ke sistem baru akan dilaksanakan.

Bahagian ini akan menyelaras dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada semua bahagian supaya jentera pengurusan dapat beroperasi dengan cekap, produktif dan berkesan. Bahagian ini juga mengurus hal ehwal komunikasi dengan pihak media dalam meningkatkan imej korporat KOBANGI serta memantau kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan melalui akhbar dan media sosial KOBANGI.

Bagi memastikan semua maklumat, perancangan dan aktiviti koperasi dapat disampaikan dan diterima oleh semua anggota, bahagian ini akan melaksanakan inisiatif yang dirancang dalam Pelan Strategik KOBANGI 2022-2024 seperti program Corporate Social Responsibility (CSR) untuk anggota dan masyarakat di sekitar Bandar Baru Bangi. Promosi dan penerangan tentang KOBANGI akan sentiasa diadakan secara berterusan.

Disediakan oleh ;

**Hj. Ahmad Denil Hasbullah**

Setiausaha KOBANGI

## **BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN**

### **1.0 Ahli Jawatankuasa**

- i) Hjh. Rosenaini @ Rusnaini A. Saman - Ketua
- ii) Hj. Ahmad Denil Hasbullah – Wakil Anggota Lembaga
- ii) Hj. Ghazali Jaafar – Ahli Jawatankuasa

### **2.0 Fungsi**

Fungsi utama bahagian ini adalah untuk menguruskan hal ehwal kewangan dan perolehan koperasi di antaranya pelaburan tunai, pelaburan hartanah dan pelaburan perniagaan strategik koperasi.

### **3.0 Pencapaian**

#### **3.1 Prestasi Kewangan Tahun 2022**

Pada keseluruhannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, KOBANGI telah mencatat jumlah pendapatan bersih **RM 516,659.26**, penurunan sebanyak **3.0%** berbanding **RM 532,437.66** pada tahun kewangan 2021. Faktor utama penurunan pendapatan bersih adalah disebabkan pendapatan dari rebat atas pinjaman Bank Islam Malaysia telah menurun sebanyak **RM 20,000.00** berbanding tahun 2021 manakala pendapatan dari penyewaan premis bagi tahun 2022 adalah **RM 425,640.00** berbanding **RM 418,984.00** pada tahun 2021.

Perbelanjaan bagi tahun ini meningkat kepada **RM288,418.08** berbanding dengan **RM271.069.64** pada tahun lepas. Yuran profesional sebanyak **RM27,471.61** merupakan sumbangan yang tinggi bagi perbelajaan keseluruhan yang digunakan untuk pengurusan Memorandum of Transfer (MOT) bagi premis 2-Tingkat di Seksyen 9 Bandar Baru Bangi.

Oleh itu, keuntungan bersih juga menurun dari **RM 261,368.02** pada tahun 2021 kepada **RM 228,241.18** bagi tahun ini. Keuntungan ini adalah daripada pendapatan sewaan empat (4) premis komersial di Bandar Baru Bangi dan dividen dari pelaburan di Bank Kerjasama Rakyat Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad serta rebat diatas pinjaman dari Bank Islam Malaysia.

#### **3.2 Dividen**

Keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun yang dicatatkan pada tahun ini ialah sebanyak **RM 194,005.00**. Berdasarkan keuntungan ini, Anggota Lembaga Koperasi mencadangkan bayaran dividen untuk tahun 2022 ditetapkan pada kadar **7.0% (RM 183,005.00)**.

#### **3.3 Modal Syer**

Sehingga 31 Disember 2021, jumlah keanggotaan adalah seramai 400 orang dengan jumlah modal syer anggota sebanyak **RM 2,665,060.58**.

### **4.0 Perancangan**

Bahagian ini telah memperolehi Sistem Perakaunan pada September 2022 bagi mempermudah pengurusan kewangan dan perolehan. Sistem ini akan di integrasikan dengan sistem keanggotaan dan akan diguna pakai mulai Julai 2023. Dengan ada nya sistem ini, semua urusan kewangan yang berkaitan dengan keanggotaan dapat dilakukan secara Online yang lebih cepat dan produktif. Laporan kewangan bulanan juga dapat disediakan dengan segera berbanding dengan sistem yang sedia ada sekarang.

Disediakan oleh ;

**Hjh. Rosenaini@Rusnaini A. Saman**

Ketua Bahagian Kewangan dan Perolehan

## **BAHAGIAN KEANGGOTAAN**

### **1.0 Ahli Jawatankuasa**

- i) Hj. Abdul Aziz Mohd Noor - Ketua
- ii) Hj. Ahmad Denil Hasbullah – Anggota Lembaga
- iii) Hjh. Rosenaini@Rusnaini A. Saman – Anggota Lembaga
- iv) Hj. Md Roslan Zulkifly – Anggota Lembaga
- v) En. Abdul Mutalib Omar - Ahli Jawatankuasa

### **2.0 Fungsi**

Fungsi utama bahagian ini adalah untuk menguruskan hal ehwal keanggotaan dalam aspek permohonan keanggotaan, penambahan syer dan pengeluaran syer. Bahagian ini juga bertanggung jawab bagi menarik ramai lagi penduduk sekitar Bandar Baru Bangi menjadi anggota KOBANGI.

### **3.0 Pencapaian dan Perancangan**

Bilangan keanggotaan pada akhir 2022 adalah seramai 389 anggota berbanding dengan 800 anggota yang disasarkan dalam Pelan Strategik KOBANGI 2022-2024. Ini di sebabkan program promosi pengambilan keanggotaan tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya pada 2022.

Pelan Strategik KOBANGI 2022-2024(Pindaan 1) akan dilancarkan pada Julai 2023 dan sasaran baharu bagi 2023 adalah 450 anggota berbanding dengan 1500 anggota. Sasaran keanggotaan yang tinggi dalam Pelan Strategik KOBANGI 2022-2024 adalah untuk Perniagaan Peruncitan yang memerlukan bilangan pelanggan yang tinggi dan kesetiaan pelanggan. Keanggotaan koperasi merupakan pelanggan utama bagi perniagaan ini. Rakan niaga JOM DAPUR yang sepatutnya melaksanakan perniagaan ini pada 2022 tidak dapat dilancarkan oleh kerana kos e-komersial yang tinggi dan menjana pulangan yang rendah. Oleh itu, KOBANGI tidak akan ceburi Perniagaan Peruncitan dan sasaran baharu keanggotaan pada 2024 adalah 500 anggota.

Promosi dan pengambilan keanggotaan akan difokuskan kepada individu yang **BERKUALITI** dalam ertikata anggota yang **BERPERANAN** dengan melibatkan diri bagi menjayakan apa jua aktiviti KOBANGI yang akan dirancang dan dilaksanakan seperti menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan. Anggota ini juga dapat memberi cadangan yang membangun bagi meningkatkan prestasi KOBANGI serta sentiasa menambah syer supaya modal syer KOBANGI akan bertambah untuk dilaburkan di dalam aktiviti perniagaan sedia ada dan baharu. Ini juga dapat mengurangkan kos kewangan dari pinjaman luaran.

Sistem Keanggotaan telah diperolehi pada tahun ini dan telah diguna pakai oleh semua anggota pada November 2022 yang membolehkan semua anggota mengakses pangkalan data masing-masing dan mengemaskini maklumat peribadi sekiranya ada perubahan. Sistem ini akan mempermudah pengurusan keanggotaan di mana semua urusan keanggotaan dapat dilakukan secara Online yang lebih cepat dan produktif.

Disediakan oleh;

**Hj. Abdul Aziz Mohd Noor**

Ketua Bahagian Keanggotaan

## **BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN STRATEGIK**

### **1.0 Ahli Jawatankuasa**

- i) Hj. Ahmad Sufie Munasir - Ketua
- ii) En. Muhammad Farahi Arif Tajul Ariffin - Setiausaha
- iii) Hj. Ahmad Denil Hasbullah – Anggota Lembaga
- iv) Hjh. Rosenaini@Rusnaini A. Saman – Anggota Lembaga
- v) Hj. Md Roslan Zulkifly – Anggota Lembaga
- vi) Hj. Aminudin Md Desah – Anggota Lembaga
- vii) Hj. Kamaruddin Mohamed – Anggota Lembaga
- viii) Hj. Husin Hj. Yunos – Anggota Lembaga

## **2.0 Fungsi**

Fungsi utama bahagian ini adalah seperti berikut:

- a. Merancang strategi perniagaan sama ada secara menjalankannya sendiri, usaha sama dengan syarikat luar, usahasama dengan anggota koperasi bagi melaksanakan projek-projek jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
- b. Menubuhkan perniagaan yang berpotensi yang dapat menjana pendapatan bagi meningkatkan lagi pendapatan koperasi dari masa ke masa.
- c. Memastikan semua perniagaan yang diceburi koperasi beroperasi dengan sempurna dan mematuhi konsep syariah serta dapat menjana pendapatan bagi koperasi

## **3.0 Aktiviti/Mesyuarat**

Bahagian Pembangunan Perniagaan Strategik adalah antara bahagian yang paling penting kepada KOBANGI di mana pendapatan utama KOBANGI adalah dari aktiviti perniagaan yang diurus oleh bahagian ini. Bahagian ini dibahagikan kepada 3 sub unit iaitu:

- i. Penyewaan dan Penyelenggaraan Bangunan
- ii. Pembangunan Hartanah
- iii. Pelaburan dan Perniagaan Baru

Bahagian ini telah berjaya mengadakan/menghadiri aktiviti dan mesyuarat seperti dibawah:

| <b>NO</b> | <b>TARIKH</b> | <b>AKTIVITI/MESYUARAT/KURSUS</b>                                                           | <b>LOKASI</b>        |
|-----------|---------------|--------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|
| 1)        | 12/07/2022    | Lawatan tapak Bersama Agen Hartanah<br>Projek 5&6 di Jenderam.                             | Jenderam             |
| 2)        | 2/8/2022      | Lawatan tapak meninjau Kedai SouthVille City.                                              | Southville City      |
| 3)        | 15/8/2022     | Mesyuarat Khas membincangkan Projek<br>ke 7 Kedai SouthVille.                              | Bilik Mesyuarat KPIB |
| 4)        | 29/8/2022     | Lawatan Bersama Prospek Penyewa Kedai<br>Bangi Sentral.                                    | Bangi Sentral        |
| 5)        | 19/8/2022     | Perbincangan dengan Setiausaha & Bendahari<br>untuk menlengkapkan Permohonan Pinjaman SKM. | Rumah Bendahari      |

|               |                                                                              |                 |
|---------------|------------------------------------------------------------------------------|-----------------|
| 6) 5/10/2022  | Menghadiri Borang Pembiayaan Projek 7 ke SKM.                                | Pejabat SKM     |
| 7) 9/11/2022  | Lawatan Pegawai SKM ke Projek 7 Southville City.                             | Southville City |
| 8) 14/1/2023  | Lawatan Bersama Prospek Penyewa Al Ikhsan<br>untuk Projek 7 Southville City. | Southville City |
| 9) 16/1/2023  | Lawatan Tapak Bersama prospek KOMAS Projek 5&6<br>Tanah Jenderam.            | Jenderam        |
| 10) 19/1/2023 | Majlis Menandatangani Perjanjian Jualbeli<br>Projek 7 Kedai Southville City. | Southville City |

#### **4.0 Pencapaian dan Perancangan**

Bahagian ini akan meneruskan usaha menambahbaik perniagaan dan meningkatkan pelaburan yang sedia ada seperti berikut:

- Berjaya menambah satu lagi aset KOBANGI iaitu Kedai 2 Tingkat di Southville City.
- Menambahbaik SOP Pengurusan dan Kutipan Sewa Bangunan yang sedia ada.
- Meneruskan usaha menjual 2 bidang tanah berstatus perumahan di Jenderam dengan harga semasa.
- Membeli 1 lagi buah bangunan komersial baru di lokasi yang strategik dan mempunyai nilai yang tinggi.
- Menceburi perniagaan baru di bidang **Kesihatan** yang boleh memberi manfaat kepada anggota KOBANGI dan masyarakat yang memerlukan khidmat tersebut.
- Menambah pelaburan saham di Bank Rakyat dan membuat pelaburan baru yang boleh memberi pulangan yang terbaik kepada anggota KOBANGI.

Disediakan oleh;

**Hj. Ahmad Sufie Munasir**

Ketua Bahagian Pembangunan Perniagaan Strategik

### **BAHAGIAN SYARIAH DAN WAKAF**

#### **1.0 Ahli Jawatankuasa**

- i) Ustaz Abdul Jamir Md Saad - Ketua
- ii) Hj. Ahmad Denil Hasbullah – Anggota Lembaga
- ii) Hjh. Rosenaini@Rusnaini A. Saman – Anggota Lembaga
- iii) Hj. Hussin Hj. Yunos – Anggota Lembaga

#### **2.0 Fungsi**

Bahagian Syariah & Wakaf merupakan bahagian yang memainkan peranan penting untuk mengawal selia perjalanan urus tadbir serta aktiviti perniagaan KOBANGI supaya bertepatan dengan konsep syariah serta muamalah Islam.

#### **3.0 Pencapaian dan Perancangan**

Bahagian ini telah merangka dan mensasarkan beberapa inisiatif berikut selaras dengan Pelan Strategik KOBANGI 2022-2024 bagi memantapkan urus tadbir & aktiviti-aktiviti KOBANGI supaya bertepatan dengan konsep Syariah & Muamalah Islam:

- Merangka & melaksanakan Skim Saham Wakaf @ infaq Tunai KOBANGI
- Dalam proses Merangka Konsep Skim Hibah Saham KOBANGI
- Memantau & memastikan semua aktiviti perniagaan KOBANGI berteraskan Konsep Syariah & Muamalah Islam (Pelaksanaan Zakat KOBANGI)
- Berusaha untuk mengembangkan Dana Saham Wakaf @ Infaq tunai KOBANGI melalui pelaburan dan pemilikan hartanah yang berpotensi supaya manfaatnya dapat dimaksimumkan untuk tujuan pembangunan Ummah & kebajikan sosial (Dakwah & Pendidikan)

Kini Skim Saham Wakaf tidak dapat dilaksanakan di sebabkan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia memerlukan koperasi mendapat kelulusan pelaksanaan dari pihak Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). KOBANGI sudah berhubung dengan PWS namun belum mendapat kebenaran bertulis daripada mereka untuk pelaksanaan Skim Saham Wakaf ini.

Disediakan oleh;

**Ustaz Abdul Jamir Md Saad**

Ketua Bahagian Syariah dan Wakaf

## **JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

### **1.0 Ahli Jawatankuasa**

- i) En. Abd. Mutalib Bulin - Ketua
- ii) En. Hanas Rizal Ahmad Zakeri – Ahli Jawatankuasa
- iii) Pn. Muneera Mohd Yusof - Ahli Jawatankuasa

Mesyuarat Anggota Lembaga KOBANGI Ke-5 pada 15 Mei 2022 telah meluluskan pelantikan jawatankuasa ini. Tiada laporan khusus yang disediakan bagi sesi 2022-2023 tetapi ada beberapa perkara yang dicadangkan dan Anggota Lembaga mengambil maklum cadangan tersebut dan ada yang telah dilaksanakan.

## **PENUTUP**

Pada 2022, KOBANGI telah membuktikan kejayaannya dengan menjalankan aktiviti perniagaan **Hartanah** yang menghasilkan keuntungan dan mengekalkan pencapaian secara berterusan. KOBANGI akan terus bergerak ke hadapan dengan cadangan untuk mempelbagaikan lagi aktiviti-aktiviti perniagaannya selain dari **Hartanah** seperti bidang **Kesihatan** dan perniagaan baharu yang akan diceburi seperti dirancang dalam Pelan Strategik KOBANGI 2022-2024. Anggota Lembaga KOBANGI akan memastikan segala aktiviti-aktiviti perniagaan yang dirancang dan diceburi akan memberi pulangan yang memberangsangkan untuk bergerak lebih maju ke hadapan. Pada 2022 juga, KOBANGI telah tersenarai di kedudukan 44 dalam Index 50 Koperasi Terbaik Selangor dan di kedudukan Top 350 Koperasi Terbaik Negara.

Anggota Lembaga KOBANGI mengharapkan agar dapat mengekalkan kerjasama dengan anggota - anggota bagi menghasilkan koperasi yang **BERKUALITI - Kualiti** dari segi tadbir urus dan menjalankan perniagaan strategik yang bernilai tinggi dan berdaya maju yang akan memberi pulangan dividen yang tinggi kepada semua anggotanya.



# *Sijil Pengiktirafan*

*Anugerah Koperasi Terbaik  
Negeri Selangor 2022*

**TEMPAT KE-44**

**KOPERASI PENDUDUK BANDAR  
BARU BANGI BERHAD**



**ROZDEEN BIN MOHD JAAFAR**  
Pengarah  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Negeri Selangor



**SURUHANJAYA  
KOPERASI**  
Malaysia

# *Sijil Pengiktirafan*

*Top 350 Koperasi Tahun 2022*

**KOPERASI PENDUDUK BANDAR  
BARU BANGI BERHAD**



.....  
**DATO' HAJI ZAZALI BIN HARON**

Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



# **PENYATA KEWANGAN**

**31 DISEMBER 2022**



**KOPERASI PENDUDUK  
BANDAR BARU BANGI BERHAD**



# **PENYATA KEWANGAN**

## **KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD**

**BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2022**

**MUSSA CONSULTING  
AKAUNTAN BERTAULIAH**



Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Anggota-anggota Lembaga

Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad

Tuan,

**LAPORAN PENGURUSAN JURUAUDIT KE ATAS KOPERASI PENDUDUK  
BANDAR BARU BANGI BERHAD**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kami telah selesai menjalankan kerja-kerja pengauditan ke atas akaun **KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD** bagi tahun berakhir **31 Disember 2022**.

2. Dalam menjalankan proses pengauditan, kami telah memeriksa dan menyemak beberapa aspek sistem kawalan dalaman dan perakaunan koperasi yang menjadi sebahagian daripada prosedur-prosedur biasa pengauditan.

3. Daripada pemeriksaan-pemeriksaan dan pemerhatian yang dijalankan, kami ingin memaklumkan bahawa penyenggaraan buku-buku dan rekod-rekod perakaunan serta sistem kawalan dalaman koperasi pada keseluruhannya adalah baik dan memuaskan.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar

(MUSSA CONSULTING)  
Juruaudit Koperasi Bertauliah  
SKM (B) 0546

Tarikh: 26.4..2023



# **KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD**

**31 DISEMBER 2022**

## **ISIKANDUNGAN**

## **MUKASURAT**

**Maklumat Korporat**

**Laporan Juruaudit**

**1 - 3**

**Laporan Berkanun**

**4**

**Kunci Kira-Kira**

**5**

**Akaun Pembahagian Keuntungan**

**6**

**Akaun Untung Rugi**

**7 - 8**

**Penyata Aliran Tunai**

**9**

**Nota-Nota Kepada Akaun**

**10 - 15**

**KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD**

(No Pendaftaran: Kawasan 435)

Email: [www.kobangi.com](http://www.kobangi.com)

**ALAMAT PERNIAGAAN**

Kompleks Pendidikan Islam Bangi

Jalan 6C/4, Seksyen 16

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

**ANGGOTA LEMBAGA**

Prof Datuk Mohd Yusof bin Kasim

Hjh Rosenaini @ Rusnaini bt A Saman

Hj Ahmad Denil Hasbullah

Hj Md Roslan Zulkifly

Prof Dr Hj Wan Mohtar Wan Yusoff

Hj Abdul Aziz bin Mohd Noor

Hj Ahmad Sufie Munasir

Hj Kamaruddin Mohamed

Hj Hussin bin Hj Yunos

Ustad Abdul Jamir bin Md Saad

Hj Aminudin Md Desah

Pengerusi

Bendahari

Setiausaha

**ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

Hj Abd Mutalib Bulin

En Hanas Rizal Ahmad Zakeri

Pn Muneera Mohd Yusof

**BANK**

Bank Kerjasama Rakyat Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad

**JURUAUDIT LUAR**

Tetuan Mussa Consulting



## LAPORAN JURUAUDIT KE ATAS PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Kepada  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Anggota-anggota **Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad**

Tuan,

### Laporan ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad** yang mengandungi Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2022, Akaun Pembahagian keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada **31 Disember 2022** dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan seperti yang dibentangkan bersama.

### Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi kepada Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut piawaian-piawaian perakaunan diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993. Tanggungjawab ini termasuk merangka, melaksanakan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang daripada salah nyata yang material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, pemilihan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan ini berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan. Kami melaksanakan pengauditan kami menurut piawaian-piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-Piawaian tersebut menghendaki kami mematuhi etika dan merancang serta menjalankan kerja-kerja audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata fakta yang material.

Sesuai audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperolehi bukti yang menyokong jumlah-jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko salah nyata fakta yang material ke atas penyata kewangan sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan bagi merangka prosedur-prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan bertujuan untuk memberikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman koperasi.

Sesuai audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang di gunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh anggota lembaga koperasi dan juga penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi memberikan asas yang wajar bagi pendapat kami.

### **Pendapat**

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993 bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan koperasi pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

### **Laporan ke atas Lain-lain Keperluan Perundangan dan Kawal Selia**

Mengikut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- a) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh koperasi dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- c) kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah.

### **Perkara-Perkara Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya, anggota-anggota koperasi, sebagai satu badan, mengikut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia, dan bukan untuk tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.



**MUSSA CONSULTING (NF 1615)**  
Juruaudit Koperasi Bertauliah



**MUSSA BIN MOHDI**  
No. Rujukan: SKM (B) 0546

Tarikh: 26.4.2023

## KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

### LAPORAN BERKANUN LEMBAGA MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(1)(C)

| Tambah Faedah Pinjaman                        | 646,566.72                 | 646,566.72                 |
|                                               | <u>2,626,566.72</u>        | <u>2,626,566.72</u>        |
| Tolak: Bayaran Balik Terkumpul Awal Tahun     | (919,852.48)               | (853,357.12)               |
| Tolak: Bayaran Balik Dalam Tahun              | (99,849.79)                | (66,495.36)                |
| Faedah Belum Matang                           | (266,979.32)               | (321,748.70)               |
| Ansuran Akan Dijelaskan Dalam Tempoh 12 Bulan | (132,990.72)               | (132,990.72)               |
| <b>Baki Pada Akhir Tahun</b>                  | <u><b>1,206,894.41</b></u> | <u><b>1,251,974.82</b></u> |

Koperasi telah menerima pembiayaan sebanyak RM2.2 juta Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk membiayai pembelian seunit kedai 4 tingkat di Bandar Baru Bangi. Tempoh pembiayaan selama 237 bulan dengan kadar faedah 3%.

|                                                      |                          |                          |
|------------------------------------------------------|--------------------------|--------------------------|
| iv) Bank Islam Malaysia Berhad                       |                          |                          |
| Baki Pada Awal Tahun                                 | 1,000,000.00             | 1,000,000.00             |
| Tolak: Pelarasan Pinjaman                            | (624,959.76)             | (624,959.76)             |
| Tambah Faedah Pinjaman                               | 2,160,296.00             | 2,160,296.00             |
|                                                      | <u>2,535,336.24</u>      | <u>2,535,336.24</u>      |
| Tolak: Bayaran Balik Terkumpul Awal Tahun            | (709,777.80)             | (639,129.84)             |
| Tolak: Bayaran Ansuran Pinjaman                      | (70,647.96)              | (70,647.96)              |
| Tolak: Ansuran Akan Dijelaskan Dalam Tempoh 12 Bulan | (70,647.96)              | (70,647.96)              |
| Tolak: Diskaun Diterima                              | (21,398.73)              | (21,398.73)              |
| Tolak: Rebat Atas Pinjaman                           | (57,117.51)              | (76,716.08)              |
| Tolak: Faedah Belum Matang                           | (997,192.40)             | (1,001,134.41)           |
| <b>Baki Pada Akhir Tahun</b>                         | <u><b>608,553.88</b></u> | <u><b>655,661.26</b></u> |

Koperasi telah membuat pembiayaan semula sebanyak RM1 juta dengan tempoh pembiayaan selama 240 bulan dari Bank Islam Malaysia Berhad

|                                               |                         |                         |
|-----------------------------------------------|-------------------------|-------------------------|
| v) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad      |                         |                         |
| Baki Pada Awal Tahun                          | 104,000.00              | -                       |
| Pinjaman Diterima                             | -                       | 104,000.00              |
| Tambah Faedah Pinjaman                        | 19,768.46               | 19,768.46               |
|                                               | <u>123,768.46</u>       | <u>123,768.46</u>       |
| Tolak: Bayaran Balik Terkumpul Awal Tahun     | (6,210.00)              | -                       |
| Tolak: Bayaran Balik Dalam Tahun              | (23,846.52)             | (6,210.00)              |
| Faedah Belum Matang                           | (15,814.77)             | (19,535.54)             |
| Ansuran Akan Dijelaskan Dalam Tempoh 12 Bulan | (24,756.00)             | (24,756.00)             |
| <b>Baki Pada Akhir Tahun</b>                  | <u><b>53,141.17</b></u> | <u><b>73,266.92</b></u> |

Koperasi telah membuat pinjaman bagi menampung kos urusan pembelian tanah GM2266 Lot 6286 dan Lot 6367 Mukim Dengkil Daerah Sepang, Selangor. Tempoh pinjaman adalah selama 60 bulan dengan kadar faedah 5.58% setahun.

|                       |                            |                            |
|-----------------------|----------------------------|----------------------------|
| Dalam tempoh 12 bulan | 269,896.44                 | 291,767.92                 |
| Selepas 12 bulan      | 1,944,676.02               | 2,093,807.38               |
|                       | <u><b>2,214,572.46</b></u> | <u><b>2,385,575.30</b></u> |

**NOTA 15 KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

|                                            |                        |                        |
|--------------------------------------------|------------------------|------------------------|
| Baki Pada Awal Tahun                       | 5,209.72               | 7,293.46               |
| Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan | 4,564.83               | 5,209.72               |
|                                            | <u>9,774.55</u>        | <u>12,503.18</u>       |
| Tolak: Bayaran Dalam Tahun                 | -                      | (7,293.46)             |
| <b>Baki Pada Akhir Tahun</b>               | <u><b>9,774.55</b></u> | <u><b>5,209.72</b></u> |

**KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD**

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

|                |                                                                                                                        | <u>2022</u><br>RM        | <u>2021</u><br>RM        |
|----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|--------------------------|
| <b>NOTA 16</b> | <b>KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI</b>                                                                       |                          |                          |
|                | Baki Pada Awal Tahun                                                                                                   | 2,604.86                 | 3,646.73                 |
|                | Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan                                                                             | 2,282.41                 | 2,604.86                 |
|                |                                                                                                                        | <u>4,887.27</u>          | <u>6,251.59</u>          |
|                | Tolak: Bayaran Dalam Tahun                                                                                             | -                        | (3,646.73)               |
|                | <b>Baki Pada Akhir Tahun</b>                                                                                           | <u><b>4,887.27</b></u>   | <u><b>2,604.86</b></u>   |
| <b>NOTA 17</b> | <b>DIVIDEN</b>                                                                                                         |                          |                          |
|                | Baki Pada Awal Tahun                                                                                                   | 196,246.86               | 96,471.82                |
|                | Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan                                                                             | 183,005.00               | 183,810.66               |
|                |                                                                                                                        | <u>379,251.86</u>        | <u>280,282.48</u>        |
|                | Tolak: Bayaran Dalam Tahun                                                                                             | (183,962.97)             | (84,035.62)              |
|                | <b>Baki Pada Akhir Tahun</b>                                                                                           | <u><b>195,288.89</b></u> | <u><b>196,246.86</b></u> |
| <b>NOTA 18</b> | <b>HONORARIUM</b>                                                                                                      |                          |                          |
|                | Baki Pada Awal Tahun                                                                                                   | 14,000.00                | 7,000.00                 |
|                | Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan                                                                             | 7,000.00                 | 7,000.00                 |
|                |                                                                                                                        | <u>21,000.00</u>         | <u>14,000.00</u>         |
|                | Tolak: Bayaran Dalam Tahun                                                                                             | (14,000.00)              | -                        |
|                | <b>Baki Pada Akhir Tahun</b>                                                                                           | <u><b>7,000.00</b></u>   | <u><b>14,000.00</b></u>  |
| <b>NOTA 19</b> | <b>PELBAGAI PEMIUTANG</b>                                                                                              |                          |                          |
|                | Lara Nour - Penghutang Sewa                                                                                            | 5,850.00                 | -                        |
|                | Fi Audit Luar                                                                                                          | 5,000.00                 | 5,000.00                 |
|                | Deposit Sewa                                                                                                           | 57,800.00                | 50,800.00                |
|                | Insurans Rumah Kedai                                                                                                   | -                        | 2,276.00                 |
|                | Fi Perakaunan                                                                                                          | 3,500.00                 | 4,000.00                 |
|                | Deposit Utiliti                                                                                                        | 15,341.35                | 13,341.35                |
|                | Pinjaman TMP SKM belum bayar                                                                                           | 33,247.68                | -                        |
|                | Pulangan Deposit Khas Akan Dibayar                                                                                     | -                        | 15,148.00                |
|                | Peruntukan Zakat                                                                                                       | 2,469.87                 | 21,830.87                |
|                | Peruntukan Cukai Pendapatan                                                                                            | 2,469.80                 | 19,300.00                |
|                | Dividen 2019                                                                                                           | -                        | 21,475.04                |
|                | Honorarium Tahun 2018                                                                                                  | -                        | 7,000.00                 |
|                | Sewa Pejabat Belum Bayar                                                                                               | -                        | 3,000.00                 |
|                | Selenggara Lif Bangunan                                                                                                | 3,275.40                 | -                        |
|                | Perbelanjaan Lembaga Belum Bayar                                                                                       | -                        | 1,000.00                 |
|                | Insurans Bangunan Belum Bayar                                                                                          | -                        | 11,418.78                |
|                | <b>Baki Pada 31 Disember</b>                                                                                           | <u><b>128,954.10</b></u> | <u><b>175,590.04</b></u> |
| <b>NOTA 21</b> | <b>PERBELANJAAN LEMBAGA</b>                                                                                            |                          |                          |
|                | Elaun Setiausaha                                                                                                       | 3,000.00                 | 3,000.00                 |
|                | Elaun Bendahari                                                                                                        | 3,000.00                 | 3,000.00                 |
|                | <b>JUMLAH</b>                                                                                                          | <u><b>6,000.00</b></u>   | <u><b>6,000.00</b></u>   |
| <b>NOTA 22</b> | <b>MAKLUMAT PEKERJA</b>                                                                                                |                          |                          |
|                | Koperasi tidak mempunyai pekerja sepenuh masa. (2021:0)                                                                |                          |                          |
| <b>NOTA 23</b> | <b>ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN</b>                                                                                        |                          |                          |
|                | Angka perbandingan telah disusun semula di mana perlu untuk disesuaikan dengan persembahan penyata kewangan tahun ini. |                          |                          |

# AGENDA 5

## MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA BAGI SESI 2023-2024

### TUJUAN

- a) Kertas ini dibentangkan untuk anggota koperasi memilih empat (4) orang calon bagi menggantikan tiga (3) Anggota Lembaga yang akan mengosongkan jawatan mereka secara automatik seperti yang diperuntukan di dalam Undang-Undang Kecil koperasi. Bilangan Anggota Lembaga bagi sesi 2022-2023 adalah 11 orang dan masih ada satu kekosongan yang belum dapat diisi sejak Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas.

### LATAR BELAKANG

- a) Mengikut Undang-Undang Kecil: Fasal 36 (1) – sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan. Bilangan Anggota Lembaga adalah 12 orang. **Mana-mana Anggota Lembaga yang digugurkan giliran boleh dicalonkan semula untuk dilantik sebagai Ahli Lembaga Koperasi. Sementara itu, para anggota yang berhasrat untuk dicalonkan menjadi salah seorang ALK hendaklah telah menjadi anggota secara berterusan tidak kurang dari dua (2) tahun dan mempunyai pegangan syer minimum RM1,000.00 (Ringgit Satu Ribu Sahaja)**
- b) Pada Mesyuarat Agung Tahunan kali ini, tiga (3) Anggota Lembaga yang akan mengosongkan jawatan mereka masing-masing adalah seperti berikut : -

| Bil | Nama                      | Jawatan         |
|-----|---------------------------|-----------------|
| 1.  | Hj. Abdul Aziz Mohd Noor  | Anggota Lembaga |
| 2.  | Hj. Md Roslan Zulkifly    | Anggota Lembaga |
| 3.  | Ustaz Abdul Jamir Md Saad | Anggota Lembaga |

Hj Abdul Aziz Mohd Noor telah mohon meletak jawatan sebagai Anggota Lembaga Koperasi.

### PENCALONAN OLEH ANGGOTA LEMBAGA

- a) Pada Mesyuarat Khas Ke-2 pada Ahad, 4 Jun 2023, Anggota Lembaga telah bersetuju mencalonkan dua (2) anggota berikut bagi mengisi kekosongan tersebut.

| Bil | Nama                                                           |
|-----|----------------------------------------------------------------|
| 1.  | Ustaz Abdul Jamir Md Saad – Anggota Lembaga dicalunkan semula. |
| 2.  | Muhammad Farahi 'Arif Tajul Ariffin – Anggota.                 |

- b) Anggota KOBANGI yang berhasrat untuk mencadang calon bagi jawatan Anggota Lembaga bagi sesi 2023-2024 boleh mengisi **Borang PENCALONAN AHLI LEMBAGA KOBANGI** secara dalam talian Whatsapp Group KOBANGI. Borang boleh juga dimuat turun di pautan sesawang [www.kobangi.com](http://www.kobangi.com) dan kembalikan kepada Setiausaha melalui e-mel [denil1957@yahoo.com](mailto:denil1957@yahoo.com).
- c) **Borang pencalonan mesti sampai kepada Urusetia pada atau sebelum jam 5:00 petang hari Jumaat, 9 Jun 2023.**

## **KEPUTUSAN PENCALONAN**

- a) Tepat jam 5:00 petang hari Jumaat 9, Jun 2023, tiada Borang Pencalonan diterima oleh Urusetia. Hanya ada dua(2) nama yang dicalunkan oleh Anggota Lembaga seperti berikut:

| <b>Bil</b> | <b>Nama</b>                                                    |
|------------|----------------------------------------------------------------|
| 1.         | Ustaz Abdul Jamir Md Saad – Anggota Lembaga dicalunkan semula. |
| 2.         | Muhammad Farahi 'Arif Tajul Ariffin – Anggota.                 |

## **SYOR**

- a) Mesyuarat Agung Tahunan adalah diminta mengambil maklum mengenai kedudukan dan tatacara pemilihan Anggota Lembaga seperti diterangkan diatas dan menimbang serta meluluskan cadangan Anggota Lembaga seperti berikut:
- (i) Anggota Lembaga telah bersetuju mencalonkan dua (2) anggota ini untuk mengisi kekosongan tersebut.
  - (ii) Anggota Lembaga telah bersetuju untuk memberi mandat kepada Anggota Lembaga Sesi 2023-2024 untuk melantik anggota yang layak bagi mengisi dua (2) lagi kekosongan ALK.

A large teal abstract graphic consisting of overlapping rectangular and curved shapes, serving as a background for the title.

# **BELANJAWAN**

## **2024**

**KOPERASI PENDUDUK  
BANDAR BARU BANGI BERHAD**



# ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB.DISEMBER 2024

| BUTIRAN PENDAPATAN                  | SEBENAR 2022 (RM) | KETERANGAN                                                                 | BELANJAWAN 2023 (RM) | BELANJAWAN 2024 (RM) |
|-------------------------------------|-------------------|----------------------------------------------------------------------------|----------------------|----------------------|
| <b>PENDAPATAN</b>                   | 110.00            | FI MASUK                                                                   | 250.00               | 500.00               |
|                                     |                   | <b>TERIMAAN SEWA</b>                                                       |                      |                      |
|                                     | 120,000.00        | PROJEK 1 - 34,MEDAN PUSAT BANDAR                                           | 120,000.00           | 120,000.00           |
|                                     |                   | PROJEK 2 -                                                                 |                      |                      |
|                                     | 82,680.00         | -33-G-01                                                                   | 73,080.00            | 73,080.00            |
|                                     |                   | -33-1-1A                                                                   | 9,600.00             | 9,600.00             |
|                                     |                   | - 33-1-1B                                                                  | 13,200.00            | 13,200.00            |
|                                     | 80,400.00         | PROJEK 3 -                                                                 |                      |                      |
|                                     |                   | G-61 JALAN 8/35                                                            | 60,000.00            | 60,000.00            |
|                                     |                   | 1-61 JALAN 8/35                                                            | 20,400.00            | 20,400.00            |
|                                     | 142,560.00        | PROJEK 4 PKNS - ANDAMAN                                                    |                      |                      |
|                                     |                   | 5-09-01                                                                    | 84,000.00            | 84,000.00            |
|                                     |                   | 5-09-02                                                                    | 24,000.00            | 24,000.00            |
|                                     |                   | 5-09-03                                                                    | 20,400.00            | 20,400.00            |
|                                     |                   | 5-09-3A                                                                    | 24,000.00            | 24,000.00            |
|                                     |                   | BASEMENT                                                                   | 12,000.00            | 12,000.00            |
|                                     | 643.46            | HIBAH BANK                                                                 | 1,000.00             | 1,000.00             |
|                                     | 25,440.61         | DIVIDEN SYER BANK RAKYAT                                                   | 25,000.00            | 25,000.00            |
|                                     | 7,707.68          | DIVIDEN DEPOSIT TETAP DI TERIMA                                            | 10,400.00            | 12,000.00            |
|                                     | -                 | TAMBAHAN SYER ANGGOTA                                                      | 15,000.00            | 30,000.00            |
|                                     | 57,117.51         | REBAT ATAS PINJAMAN                                                        | -                    | 50,000.00            |
|                                     | -                 | KEUNTUNGAN TAKAFUL                                                         | -                    | -                    |
|                                     | -                 | DISKAUN DITERIMA                                                           | -                    | -                    |
|                                     | -                 | JUALAN LOT TANAH                                                           | -                    | -                    |
|                                     | <b>516,659.26</b> | <b>JUMLAH PENDAPATAN</b>                                                   | <b>512,330.00</b>    | <b>579,180.00</b>    |
| <b>PERBELANJAAN BELANJA OPERASI</b> | 85,186.86         | SUSUT NILAI HARTA TETAP                                                    | 100,000.00           | 85,000.00            |
|                                     |                   | CAJ PEMBIAYAAN TERTUNDA;                                                   |                      |                      |
|                                     | 25,984.40         | A. BIMB                                                                    | 50,000.00            | 35,000.00            |
|                                     | -                 | B. SKM 1                                                                   | 6,000.00             | -                    |
|                                     | 1,718.09          | C. SKM 2                                                                   | 6,000.00             | 3,000.00             |
|                                     | 44,223.49         | D. SKM 3                                                                   | 55,000.00            | 50,000.00            |
|                                     | 3,953.69          | E. CAJ PEMBIAYAAN - BANK RAKYAT                                            | -                    | 3,000.00             |
|                                     | 23,547.10         | BELANJA MESYUARAT AGONG                                                    | 15,000.00            | 20,000.00            |
|                                     | -                 | ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT                                                  | -                    | 10,000.00            |
|                                     | -                 | PERBELANJAAN MESYUARAT ALK                                                 | 1,000.00             | 1,000.00             |
|                                     | 6,000.00          | ELAUN MESYUART ALK                                                         | 5,000.00             | 10,000.00            |
|                                     | 3,300.00          | PERUNTUKAN HUTANG LAPUK                                                    | 7,000.00             | 3,300.00             |
|                                     | 5,000.00          | FI AUDIT SWASTA                                                            | 5,000.00             | 5,000.00             |
|                                     | -                 | HONORARIUM                                                                 | -                    | 10,000.00            |
|                                     | 3,500.00          | BAYARAN PERAKAUNAN                                                         | 5,000.00             | 4,000.00             |
|                                     | -                 | BAYARAN KOMISYEN                                                           | 15,000.00            | -                    |
|                                     | 27,471.61         | BAYARAN PROFESSIONAL /GUAMAN                                               | 30,000.00            | 30,000.00            |
|                                     | -                 | BAYARAN PENGURUSAN                                                         | 7,000.00             | -                    |
|                                     | 214.00            | CUKAI TANAH                                                                | 700.00               | 800.00               |
|                                     | 7,163.20          | CUKAI TAKSIRAN                                                             | 9,000.00             | 9,000.00             |
|                                     | -                 | BAYARAN POS                                                                | 1,000.00             | 1,000.00             |
|                                     | 841.80            | ALATULIS ,FOTOSTET DAN PERCETAKAN                                          | 3,000.00             | 1,500.00             |
|                                     | 11,850.00         | UPAH KERJA & SAGUHATI                                                      | 15,000.00            | 15,000.00            |
|                                     | 4,860.46          | UTILITI                                                                    | 5,000.00             | 5,000.00             |
|                                     | 8,050.00          | TELEFON /FAX / INTERNET                                                    | 7,000.00             | 8,000.00             |
|                                     | 707.50            | BUKU CEK DAN CAJ BANK                                                      | 1,000.00             | 1,000.00             |
|                                     | -                 | KERAIAN                                                                    | 3,000.00             | 3,000.00             |
|                                     | 6,000.00          | SEWA PEJABAT                                                               | 7,000.00             | 4,000.00             |
|                                     | 750.00            | BELANJA SISTEM PERAKAUNAN                                                  | 10,000.00            | 10,000.00            |
|                                     | 6,677.10          | PENYELENGGARAAN BANGUNAN /LIF                                              | 20,000.00            | 20,000.00            |
|                                     | 11,418.78         | INSURAN RUMAH KEDAI                                                        | 13,000.00            | 12,000.00            |
|                                     | -                 | PEMBETUNGAN                                                                | 4,000.00             | 4,000.00             |
|                                     | -                 |                                                                            | -                    | -                    |
|                                     | <b>288,418.08</b> | <b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>                                                 | <b>405,700.00</b>    | <b>363,600.00</b>    |
|                                     | <b>228,241.18</b> | <b>KEUNTUNGAN/KERUGIAN BERSIH DIPINDAH KE AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN</b> | <b>106,630.00</b>    | <b>215,580.00</b>    |
|                                     | <b>516,659.26</b> |                                                                            | <b>512,330.00</b>    | <b>579,180.00</b>    |

# **AGENDA 7**

## **MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL JURUAUDIT LUAR UNTUK MENGAUDIT AKAUN KOBANGI BAGI TAHUN 2023**

### **TUJUAN**

1. Kertas ini adalah untuk mendapat kelulusan daripada anggota berkaitan cadangan pelantikan juruaudit untuk mengaudit akaun KOBANGI bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

### **LATAR BELAKANG**

2. Tentuan Mohd Zaid & Associates adalah Juruaudit Luar Koperasi bagi beberapa tahun yang lepas dan pada tahun ini syarikat ini telah memohon untuk menamatkan perkhidmatan oleh kerana isu dalaman. Mussa Consulting telah dilantik untuk mengaudit akaun KOBANGI bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

3. KOBANGI mencadangkan tiga (3) firma audit berikut yang bertauliah bagi dilantik sebagai juruaudit luar koperasi :-

| <b>Bil</b> | <b>Firma Audit</b>               |
|------------|----------------------------------|
| 1.         | Suruhanjaya Koperasi Malaysia    |
| 2.         | Mussa Consulting                 |
| 3.         | Tetuan Syed Mubarak & Associates |

### **ULASAN LEMBAGA**

4. Anggota Lembaga bersetuju pada dasarnya untuk mencadangkan Mussa Consulting untuk mengaudit akaun KOBANGI bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

### **SYOR**

5. Anggota-Anggota dengan hormatnya diminta menimbangkan cadangan seperti perenggan (4) di atas.

# **AGENDA 8**

## **MENIMBANG RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIYAI OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI**

# **AGENDA 9**

## **MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN**

### **TUJUAN**

1. Kertas ini adalah untuk membentangkan dan menentukan had maksimum keberhutangan KOBANGI.

### **LATAR BELAKANG**

2. Seperti Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas, had keberhutangan KOBANGI adalah sebanyak RM10.0 juta.
3. Jumlah keberhutangan KOBANGI semasa adalah RM5.0 juta.

### **ULASAN LEMBAGA**

4. Anggota Lembaga bersetuju pada dasarnya mengekalkan had keberhutangan KOBANGI sebanyak RM 10.0 Juta.

### **SYOR**

5. Adalah disyorkan bahawa tahap keberhutangan dikekalkan maksimum RM 10.0 juta.
6. Mesyuarat Agung Tahunan dengan hormatnya diminta menimbangkan cadangan di atas.

# **AGENDA 10**

## **MEMBENTANG, MEMBINCANG DAN MEMUTUSKAN CADANGAN MEMINDA HONORARIUM DAN ELAUN PERKHIDMATAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

### **TUJUAN**

1. Kertas ini adalah untuk mendapat kelulusan daripada anggota berkaitan cadangan mengkaji semula dan meminda honorarium dan elaun ALK. Tujuan kajian ini adalah untuk memberi imbuhan yang berpatutan berdasarkan tanggung jawab yang dipegang oleh ALK bagi mewujudkan semangat kerja berpasukan di kalangan ALK.

### **ULASAN LEMBAGA**

2. Anggota Lembaga telah bersetuju dan meluluskan seperti dicadangan pada Mesyuarat Khas Ke-2 Anggota Lembaga Koperasi bertarikh Ahad 4 Jun 2023. Rujuk Cabutan Minit Mesyuarat seperti Lampiran C.

### **SYOR**

3. Anggota-Anggota dengan hormatnya diminta menimbang dan memutuskan cadangan seperti perenggan (2) di atas.

## LAMPIRAN C

### **CABUTAN MINIT MESYUARAT KHAS KE-2 ANGGOTA LEMBAGA KOBANGI PADA AHAD 4 JUN 2023**

#### **AGENDA 3 : MEMBINCANG DAN MELULUSKAN PELAN STRATEGIK KOBANGI 2022 – 2024 (PINDAAN 1)**

ALK telah berbincang dengan terperinci dan beberapa pindaan telah dipersetujui setelah mengambil kira kajian kebolehlaksanaan sesuatu perniagaan. Pelan tindakan utama bagi tahun 2023 dan 2024 adalah (i) Penjualan tanah Jenderam Projek 5 dan Projek 6 dan (ii) Pembelian satu unit premis komersial.

Mesyuarat telah bersetuju untuk menjual tanah Jenderam (Projek 5 dan Projek 6) sekali gus tanpa pecah lot kerana proses pecah lot dijangka akan melibatkan kos tambahan dan mungkin sukar dijual di masa depan.

Sasaran keanggotaan juga telah dipinda setelah mengambil kira perniagaan JOM DAPUR yang tidak dapat dilaksanakan oleh kerana kos e-komersial yang tinggi dan pulangan yang kurang memuaskan. Sasaran keanggotaan pada tahun 2024 adalah 500 anggota berbanding dengan bilangan sekarang seramai 400 anggota.

PELAN STRATEGIK KOBANGI 2022-2024 (PINDAAN 1) akan diedarkan pada bulan Julai 2023.

Rujuk Lampiran B - Pindaan Pelan Strategik KOBANGI 2022-2024.

[MAKLUMAN: Semua ALK]

#### **AGENDA 4 : KAJIAN SEMULA HONORARIUM DAN ELAUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

Agenda ini telah dibincang dan diputuskan pada Mesyuarat ALK Ke-3 pada Ahad, 30 Januari 2022 tetapi tidak dibawa ke Mesyuarat Agung Tahunan Ke-26 pada Ahad, 19 Jun 2022 bagi mendapatkan kelulusan. Perkara ini dibincangkan semula di mesyuarat ini dan akan dibawa ke Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27 pada Ahad, 18 Jun 2023 bagi mendapatkan kelulusan.

Tujuan utama agenda ini adalah untuk mengagihkannya semula kadar honorarium dan elaun yang berpatutan kepada semua ALK bagi mewujudkan semangat kerja berpasukan di kalangan ALK.

ALK telah berbincang dan telah bersetuju dan meluluskan agenda ini seperti yang dicadangkan.

Rujuk Lampiran 1 – Kertas Cadangan

[MAKLUMAN: Semua ALK]

#### **AGENDA 5 : MEMBINCANG HAL-HAL LAIN(JIKA ADA)**

- a) Mesyuarat bersetuju Ustaz Abdul Jamir Md Saad untuk memberi penerangan tentang HIBAH di Mesyuarat Agung Tahunan Ke- 27 pada Ahad, 18 Jun 2023 nanti.
- b) Mesyuarat bersetuju bagi meneruskan perkhidmatan En Ahmad Jamalullail Kadir secara sambilan untuk urusan KOBANGI setiap hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) tanpa

**1. TUJUAN**

Tujuan mengkaji semula honorarium ALK dan elaun Setiausaha dan Bendahari adalah untuk memberi imbuhan yang berpatutan berdasarkan tanggung jawab yang dipegang oleh ALK bagi mewujudkan semangat kerja berpasukan di kalangan ALK.

**2. HONORARIUM DAN ELAUN SEDIA ADA**

| NO | ALK               | HONORARIUM         | ELAUN          | JUMLAH           |
|----|-------------------|--------------------|----------------|------------------|
| 1  | Pengerusi         | 1,575.00           | -              | 1,575.00         |
| 2  | Setiausaha        | 1,475.00           | 3,000.00       | 4,475.00         |
| 3  | Bendahari         | 1,475.00           | 3,000.00       | 4,475.00         |
| 4  | ALK Lain (9orang) | (@275.00) 2,475.00 | -              | 2,475.00         |
| 5  | <b>JUMLAH</b>     | <b>7,000.00</b>    | <b>6,000.0</b> | <b>13,000.00</b> |

**3. CADANGAN**

Selain daripada 3 jawatan utama, ada 4 jawatan baru yang dilantik untuk merancang dan melaksanakan aktiviti KOBANGI. Tugasan ini adalah penting bagi memastikan KOBANGI mencapai visi dan misi serta objektif yang dirancang didalam Pelan Strategik KOBANGI.

| NO | ALK                                         | HONORARIUM       | ELAUN           | JUMLAH           |
|----|---------------------------------------------|------------------|-----------------|------------------|
| 1  | Pengerusi                                   | 2,000.00         | 1,000.00        | 3,000.00         |
| 2  | Setiausaha                                  | 1,500.00         | 2,000.00        | 3,500.00         |
| 3  | Bendahari                                   | 1,500.00         | 2,000.00        | 3,500.00         |
| 4  | Ketua Bhg. Pembangunan Perniagaan Strategik | 500.00           | 500.00          | 1,000.00         |
| 5  | Ketua Bhg. Keanggotaan dan Komunikasi       | 500.00           | 500.00          | 1,000.00         |
| 6  | Ketua Bhg. Syariah dan Infak                | 500.00           | 500.00          | 1,000.00         |
| 7  | Ketua Bhg. Kewangan & Perolehan             | 500.00           | 500.00          | 1,000.00         |
| 4  | ALK Lain (6 orang)                          | (@500) 3,000.00  | -               | 3,000.00         |
| 5  | <b>JUMLAH</b>                               | <b>10,000.00</b> | <b>7,000.00</b> | <b>17,000.00</b> |

**4. KELULUSAN ALK**

ALK diminta mempertimbangkan dan memperakukan cadangan ini untuk dilaksanakan mulai Sesi 2023-2024.

Disediakan oleh:



Setiausaha KOBANGI Sesi 2022-2023

## **AGENDA 11**

### **MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN KOPERASI INI YANG BAGINYA SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA 7 HARI TELAH DIBERIKAN KEPADA SETIAUSAHA**

Merujuk kepada Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27 (KOBANGI/SU/2022-20) bertarikh , sebarang usul yang ingin dikemukakan dalam agenda mesyuarat, anggota KOBANGI perlu melengkapkan dan mengembalikan BORANG USUL kepada Setiausaha sebelum atau pada jam 5:00 petang Jumaat, 9 Jun 2023.

Pada Jumaat, 9 Jun 2023, tiada Borang Usul yang diterima dan tiada sebarang usul akan dibentangkan pada mesyuarat ini.

## **AGENDA 12**

### **MEMBINCANGKAN HAL-HAL LAIN , JIKA ADA.**

# *Penghargaan*



## **Pengerusi dan Anggota Lembaga KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD**

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan KOBANGI Ke-27 ini.